

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
PENGURUSAN FASILITI DAN TEKNOLOGI

---

**KETUA PTJ :**

MD YUSOF BIN HAMID

**KETUA UNIT KUALITI :**

THURAIYA BINTI MOHD

**PENYELARAS :**

NAJMA BINTI AZMAN

**PENULIS :**

1. NAJMA BINTI AZMAN
2. SUZANAH BINTI ABDULLAH
3. THURAIYA BINTI MOHD
4. JUFIZA BINTI A. WAHAB
5. MOHD NASURUDIN BIN HASBULLAH

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Perak (UiTMC) diketuai Rektor bersama 6 ahli Pengurusan Eksekutif, mengamalkan pendekatan sistematik melalui transformasional berimpak tinggi dalam merancang, mensasarkan agenda dan gerak kerja/pelan tindakan UiTM dengan bantuan ketua di setiap bahagian, fakulti, jabatan dan unit ke arah mencapai visi, misi dan objektif. Barisan kepimpinan UiTMCP sentiasa peka terhadap perubahan dalam sistem dan proses kerja semasa bagi menjadikan UiTMCP universiti dinamik yang teguh mendokong visi dan misi UiTM bagi menerajui dinamisme bumiputera yang tangkas dan profesional bertaraf dunia sejajar *Globally Renowned University 2025*. Amalan nilai murni ESI-IDART ditekankan kepada warga dalam pembudayaan kerja, semasa menjalankan tugas yang diamanahkan.

Kepimpinan UiTMCP melaksanakan sistem pengurusan berasaskan pendekatan PDCA iaitu perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*). Pendekatan tersebut dilaksanakan secara sistematik, tangkas dan profesional dengan penuh tanggungjawab. Pelaksanaan pendekatan di peringkat pertama ialah merangka dan menghasilkan pelan tindakan strategik melalui kaedah '*top-down* dan '*bottom-up*' yang melibatkan kerjasama Pengurusan Eksekutif (PE) bersama Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP). Peringkat kedua penglibatan bersama diketuai oleh PE dan pelaksana dari Unit/Fakulti/Pusat Pengajian dan keseluruhan warga kampus dalam merealisasikan apa yang telah dirancang dan ditetapkan dalam pelan tindakan strategik.

Untuk memastikan kampus dan warga bergerak sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025, kepimpinan UiTMCP melaksanakan pendekatan dan proses penyebarluasan berasaskan 3 '*thrust strategics*' UiTMCP: *Quality Education, Global Excellence* dan *Value-driven Performance* dengan mengaplikasi 3 tujahan utama (i) Hasil Perancangan Strategik dengan tumpuan terhadap keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kemampunan pembangunan fasiliti dan teknologi hijau (ii) Hasil berasaskan pelanggan dengan tumpuan kepada kepakaran dalam pengurusan fasiliti dan teknologi serta amalan hijau dan (iii) Hasil berasaskan operasi dengan menumpukan kepada pemeraksanaan kepimpinan dan keserakanan dalam memacu kampus lestari. Ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, bersama-sama merealisasikan UiTM ke arah melonjakkan kecemerlangan UiTM menjadi '*a Globally Renowned University 2025*'.

Kecekapan kepimpinan UiTMCP ditonjolkan melalui pendekatan pemantauan dan tindakan penambahbaikan yang dilakukan. Beberapa platform seperti mesyuarat dan bengkel digunakan untuk perbincangan intervensi dan mitigasi oleh barisan kepimpinan bersama PTJP dan dibantu jentera sokongan lain.

Sejajar dengan bidang tumpuan iaitu pengurusan fasiliti dan teknologi, kepimpinan UiTMCP telah menetapkan agenda dalam perancangan dan pengukuran utama pencapaian ke arah kampus lestari 2025. Justeru, UiTMCP memfokuskan kepada pengurusan fasiliti dan teknologi bersasar kepada teknologi hijau, teknologi dalam pemeraksanaan PdP dan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan. Ketampakan kepimpinan UiTMCP terserlah dengan perkongsian kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pengurusan fasiliti dan teknologi hijau melalui sinergi media dan komunikasi pintar. Kepimpinan UiTMCP komited memperkasa pengurusan fasiliti dan teknologi melalui perancangan, perolehan bajet, penyediaan prasarana, bimbingan, latihan dan pemantauan.

Kepimpinan UiTMCP bersedia mendepani perkembangan teknologi hijau dan IR4.0 melalui penawaran beberapa program akademik berteraskan elemen lestari bermula peringkat diploma sehingga PhD. Malah 17 elemen *Sustainable Development Goals* (SDG) dan 9 Teras IR4.0 diterapkan dalam struktur kurikulum.

Impaknya, UiTMCP dinobatkan sebagai juara keseluruhan Anugerah Kampus Hijau 2021 dan

7. Penghargaan Rejuranan Hijau MBT 1 2016 sehingga dijadikan satu terapan dan konsep himpunan organisasi luar. Ini membuktikan UiTMCP paling terkehadapan berbanding kampus/fakulti lain di seluruh sistem UiTM serta di peringkat negeri Perak.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan kepimpinan UiTMCP mengamalkan pendekatan sistematik melalui kepimpinan transformasional dalam menstimulasi warga UiTMCP secara intelektual untuk bersama-sama melaksanakan dan menjayakan aspirasi UiTM 2025. Seajar dengan komitmen UiTMCP untuk memacu kemajuan dalam memenuhi cetusan transformasional, pelan strategik dibentuk di UiTMCP melalui perancangan mampan melaksanakan beberapa inisiatif, SAP dan menetapkan Objektif Kualiti UiTMCP, disokong oleh prasarana teknologi inovasi dalam pemeraksanaan PdP seperti *Massive Open Online Course (MOOC)* dan *Hub for Innovative Teaching and Learning (HiTEL)* dan aplikasi teknologi dalam kaedah PdP, pengurusan teknologi hijau dan penggunaan teknologi dalam penyampaian dan pemantauan perkhidmatan seperti e-Monit, dan e-works.

UiTMCP menjadi peneraju utama Kampus hijau dan dinobatkan sebagai **Johan Anugerah Kampus Lestari Hijau bagi seluruh sistem UiTM**. Salah satu ialah **prakarsa kelestarian Hijau di UiTMCP dengan memberi penumpuan infrastruktur dan infostruktur kepada pengurusan fasiliti teknologi**. UiTMCP juga telah menerima pengiktirafan daripada kerajaan dan universiti setelah memperolehi beberapa pencapaian aplikasi hijau seperti penggunaan '*Solar Lighting*' dan sebagainya (L1-2a).

Beberapa pendekatan sistematik dan berkesan dipraktikkan dalam merencanakan kelestarian kampus. Pendekatan **Top-Down** dan **Bottom-Up** digunapakai semasa proses mengadaptasi Pelan Strategik UiTM 2025 dan seterusnya membangunkan 23 Pelan Tindakan Strategik (SAP) serta melaksanakannya berdasarkan kompetensi dan ketersediaan PTJ dan warga secara menyeluruh khususnya dalam merealisasikan salah satu SAP UiTMCP 2022 iaitu projek Kampus Hijau. Cakna lestari kepada warga kampus dilaksanakan dengan perkongsian pekeliling, pemakluman semasa mesyuarat, bengkel strategik bersama PTJ secara sistematik dan berkala dan keterlibatan dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH).

**Penubuhan sub entiti akademik Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi** menunjukkan kesungguhan kepimpinan UiTMCP memperkasakan teknologi PdP. Penubuhan program-program akademik kluster teknologi mendapat pengiktirafan akreditasi dari *Malaysian Board of Technology (MBOT)*.

Ketampakan kepimpinan yang dinamik seperti *Rector's Special Project* adalah resepi utama yang menjadikan UiTMCP sentiasa terkehadapan disamping memberi sokongan, bimbingan dan peruntukan bajet berterusan kepada fasiliti UiTMCP. Ketampakan pendekatan kepimpinan transformasional UiTMCP semakin menyerlah melalui **kolaborasi secara langsung** dengan pelbagai institusi, kerajaan, dan industri. Pengurusan Eksekutif sentiasa menambahbaik hubungan dengan pihak luar melalui MoU dengan industri seperti FM Chulia Facilities Management. Kolaborasi ini mempertingkatkan kesarjanaan akademia dengan perkongsian '*Subject Matter Expert*' dan pelantikan sebagai tenaga pengajar dalam pengurusan fasiliti (L1-2b).

Ketampakan Kampus Hijau UiTMCP melalui sinergi media dan komunikasi strategik sebagai langkah pragmatik dan berkesan untuk penyampaian maklumat, perkongsian ilmu dan kepakaran. Perkongsian ilmu melalui penerbitan buku, garis panduan dan laporan menjadi wadah melonjakkan ketampakan UiTMCP dalam melestarikan kampus hijau. Buku bertajuk '*Amalan Baik Pengurusan Ruang Institusi Pengajian Tinggi Awam*' dihasilkan oleh UiTMCP bersama beberapa universiti lain pada tahun 2013 masih kekal relevan digunakan sebagai rujukan seluruh Malaysia sehingga kini (L1-2c). Manakala, *e-report* Kampus Lestari dihasilkan pada 2021 (L1-2d).

Dengan pencapaian dan kepakaran dalam melaksanakan prasarana ruang, beberapa pensyarah UiTMCP dilantik sebagai pakar rujuk untuk prasarana ruang seperti Makmal Pengurusan Nilai untuk cadangan pembangunan hub Pendidikan Tinggi Pagoh, KPT 2011, Panel Pakar Rujuk Tenaga Pengajar Bidang Pengurusan Fasiliti Syarikat FM Chulia Facilities

Management, Ketua Pasukan Pelaksana Kerja Audit Ruang Akademik dan dilantik sebagai perunding prasarana dengan Kerajaan Persekutuan Zon Tengah, 2021, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (L1-2e).

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20221\\_L1-2a Anugerah dan Aplikasi Hijau 2021.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20222\\_L1-2b MoU dan Subject Matter Expert 2021.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20223\\_L1-2c Ketampakan UiTMCP Melalui Sinergi Media \\_Komunikasi Pintar 2021.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20224\\_L1-2d e-report Kampus Lestari 2021.pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20225\\_L1-2e Hasil Pencapaian UiTMCP dalam Pengurusan Fasiliti dan Teknologi 2021.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan UiTMCP mengutamakan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan melibatkan pelaksanaan menyeluruh dalam melaksanakan inisiatif ketiga-tiga tujuan utama iaitu hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi. Memfokuskan kepada bidang tumpuan: Pengurusan Fasiliti dan Teknologi UiTMCP mendepani agenda pengurusan fasiliti dan teknologi berbanding kampus lain di UiTM khususnya melalui 'inisiatif Kampus Lestari' yang diilhamkan sejak Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) UiTMCP, 2011-2015. Selaras dengan indikator pengukuran *UI GreenMetric World University Ranking*, pada RMKe-11 (2016-2020) UiTMCP telah menjenamakan semula inisiatif ini kepada 'Inisiatif Kampus Hijau' yang diperkasakan dengan 13 Program. **Perluasan dan perkongsian** hala tuju UiTMCP dalam agenda Kampus Hijau digerakkan melalui **saluran komunikasi sehala dan dua hala seperti Amanat Tahun Baharu Rektor, Townhall Coffee with Rector, pekeliling, mesyuarat, diari korporat, emel, laman sesawang dan media sosial (L1-3a).**

Pemeriksaan UiTMCP sebagai Kampus Hijau disebar luas ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui **perkongsian pintar** seperti melaksanakan Program Knowledge and *Technology Transfer for Solar Lighting Application* di Sekolah Kebangsaan Seri Iskandar, Perumahan Puncak Iskandar, Majlis Daerah Perak Tengah, Masjid Bandar Universiti, dan melaksanakan *International Webinar Green Talk Series 2020*, serta *Low Carbon Campus Convention 2021*. Perkongsian pintar juga disebar luas melalui **libat sama barisan kepimpinan** sebagai pakar rujuk bagi menghasilkan Garis Panduan Pengurusan Ruang 2021, Dasar Pengurusan Ruang UiTM (2020) - Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur UiTM, Buku Amalan Baik Pengurusan Ruang Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia - Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), Garis Panduan Perolehan Hijau Projek Kerajaan Bagi Kerja Pembinaan 2021. Rujukan ini kekal **digunapakai di seluruh Malaysia** sehingga kini. Barisan kepimpinan dilantik sebagai Auditor Audit Ruang bagi audit ruang UiTM dan tenaga pengajar bidang pengurusan fasiliti di peringkat negeri dan kebangsaan (L1-3b).

Reputasi UiTMCP sebagai kampus lestari hijau terserlah apabila menerima Anugerah Kampus Lestari Hijau 2021 UiTM beserta 5 Anugerah Hijau dan Anugerah Kejiranan Hijau MDPT 2019. Penganugerahan ini melakarkan kecemerlangan UiTMCP sebagai kampus berorientasikan teknologi hijau dan sekaligus meletakkan UiTMCP sebagai peneraju utama kampus hijau di UiTM dan di negeri Perak. Justeru, perluasan **melalui sinergi media dan komunikasi strategik** sebagai langkah pragmatik mencanangkan ketampakan UiTMCP dan menyerlahkan kecemerlangan bakat kepimpinan yang dijadikan suri teladan dan sohor kini melalui penandaarasan oleh *UiTM Green Centre* dan Penyelaras Kampus Hijau UiTMCP dilantik sebagai penceramah khas Bengkel Pelan Strategik Kelestarian UiTM 2022 – 2025 (L1-3c).

**Jalanan kerjasama dengan pelbagai universiti dan industri memberi peluang kepimpinan UiTMCP** menyumbang kepakaran disebar luas dari peringkat dalaman, kebangsaan mahupun antarabangsa. Kecekapan barisan kepimpinan dalam **memacu dan menjalin hubungan kolaborasi** membantu UiTMCP dilantik sebagai pakar perunding infostruktur dan teknologi hijau dengan jumlah terkumpul RM490,549.77 bagi tahun 2019-2020. **Perluasan pelaksanaan projek-projek Kampus Hijau ini turut diperhebat dengan jaringan kolaborasi MoU dan ketampakan UiTMCP diperluaskan melalui pelbagai aktiviti hijau dengan industri dan komuniti luar (L1-3d).**

Dalam melahirkan *ultimate outcomes* akademia dan pelajar dalam teknologi PdP, tindakan perluasan ditonjolkan oleh barisan kepimpinan adalah memberi keutamaan kepada **pemeriksaan teknologi PdP bagi menyokong IR4.0 serta ke arah Kampus Digital**. Ia diperluaskan melalui penawaran program-program akademik yang mendapat akreditasi MBOT, peruntukan bajet secara berterusan, penyediaan peralatan PdP berteknologi, penubuhan HiTEL dan penyediaan MOOC (L1-3e).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20221\\_L1-3a Perkongsian Hala Tuju UiTMCP 2021.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20222\\_L1-3b Perkongsian Pintar UiTMCP 2021.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20223\\_L1-3c Penganugerahan dan penandaarasan UiTMCP 2021.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20224\\_L1-3d Kolaborasi, perundingan dan gambar-gambar aktiviti hijau UiTMCP 2022.pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20225\\_L1-3e Pemerksaan PdP pintar UiTMCP 2021.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan UiTMCP menggunakan inisiatif bersasar bagi mengenal pasti punca kegagalan sesuatu inisiatif dan memastikan kejayaan inisiatif yang dirancang. Pelan **pemantauan** dan pengurusan fasiliti melalui **pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up'**. Ia melibatkan pemantauan oleh semua pengurusan dan staf pelaksana dalam memastikan fasiliti yang disediakan adalah cakna lestari kepada warga dan didukung oleh **pelantikan ketua-ketua berlatarbelakangkan bidang kejuruteraan dan teknologi hijau** iaitu Timbalan Ketua Jurutera, Penyelaras Kampus Hijau dan Penyelaras EKSA.

Pemantauan pengurusan fasiliti dan teknologi melalui **portal sistem pengurusan fasiliti** yang mengandungi paparan e-aduan fasiliti, e-works, e-bangunan, e-kontrak, e-majlis, e-projek, e-ruang, kajian kepuasan pelanggan, MyUiTMPhone, MySPB. Bagi memastikan *respond time* oleh staf berdasarkan nilai-nilai ESI-IDART, sistem berasaskan *Google Calender* iaitu e-Monit (L1-4-1a) dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) bertujuan memantau *respond time* aduan yang diterima.

Ketua-ketua Seksyen melapor proses kerja yang lengkap dan siap sebagai kayu pengukur dalam pelaporan pengurusan operasi pejabat kepada Ketua BPF melalui e-works (L1-4-1b). Staf BPF juga cakna tentang kepentingan menyediakan fasiliti dengan baik dan sempurna kepada warga dengan membuat **'aduan inisiatif'** sebagai satu usaha proaktif.

Pencapaian dan kepuasan hati pelanggan terhadap fasiliti yang disediakan di UiTMCP dipantau menerusi **Indeks Kegembiraan UiTMCP secara tahunan** dan **laporan bulanan maklumbalas pelanggan**. Manakala pencapaian dan kepuasan hati pelanggan terhadap Pdp dilaksanakan secara berkala setiap semester iaitu melalui **Students Feedback Online (SuFO)**, **Pelaksanaan Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS)** dan **Teaching Self-Assessment (TESA)**. Maklumat yang diperolehi dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat peringkat program, fakulti dan UiTM (L1-4-1c).

Pemantauan yang dilaksanakan adalah sejajar dengan pelan strategik UiTMCP 2020-2025 dengan memfokuskan 3 sasaran hasil bagi Inisiatif Kampus Hijau dan sasaran **Objektif Kualiti**. Analisis pencapaian PI dan Objektif Kualiti dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Negeri (JKSN) dan MKSP. Bagi PI dan objektif kualiti yang masih belum tercapai, langkah intervensi untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil (L1-4-1d).

Audit Dalam BPF dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menilai risiko yang menghalang pencapaian objektif kampus ke arah kelestarian fasiliti dan kampus hijau. Pelaporan prestasi pencapaian Skor PI i-UiTM yang lebih khusus beserta langkah-langkah intervensi dibentangkan di Mesyuarat JKSN yang diadakan secara berkala setiap suku tahun. Pemantauan berkala Skor PI i-UiTM juga dibincangkan menerusi **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** bersama barisan kepimpinan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_L1-4-1a E-Monit.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20222\\_L1-4-1b Graf Pencapaian e-WORK Tahunan BPF 2021.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20223\\_L1-4-1c Laporan Indeks Kegembiraan UiTMCP 2020.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20224\\_L1-4-1d Slaid Analisis Pencapaian Skor i-UiTM 2021\\_Petikan Log Tindakan MKSP Ke 31 Bil 1.2021.pdf](#)
- 5.

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Barisan kepimpinan UiTMCP dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) UiTMCP dan pasukan fasiliti mengendalikan risiko dengan sistematik bagi membolehkan fasiliti berfungsi dengan berkesan. Barisan kepimpinan dan JPR bergerak **secara proaktif mengenal pasti risiko, kaedah kawalan risiko dan anggaran kos mitigasi**.

Tindakan kawalan risiko dilaksanakan melalui **mengenal pasti risiko dan menangani risiko di peringkat awal dan sepanjang kitar hayatnya untuk mengelak dari kegagalan fungsi**; mengenal pasti risiko kritikal yang memberi impak kepada - operasi, reputasi, kewangan, prestasi dan strategik yang memberi impak kepada - fasiliti, pasukan dan individu; menumpukan usaha ke atas risiko sewajarnya melalui usaha yang diselarasakan dengan berkesan; memastikan pemegang taruh yang berkaitan dimaklumkan; menyertai dalam tindakan kawalan; mendaftar risiko dan menyediakan pelan halatuju pengurusan risiko (L1-4-2a).

Dalam usaha memastikan segala kemungkinan risiko yang bakal dihadapi oleh UiTMCP dapat ditangani, **beberapa jawatankuasa sokongan ditubuhkan seperti Jawatankuasa Pemilik Risiko, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN)**. Kesemua jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Rektor, ahlinya terdiri dari Pengurusan Eksekutif, Ketua Bahagian, jabatan, fakulti dan unit berkaitan. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) (Akta 514) menjadi panduan kepada tindakan yang dirancang dan dilaksanakan dalam mewujudkan sistem kerja bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dijaga.

Pemantauan risiko untuk program/projek kampus hijau dilakukan oleh pemilik risiko melalui **pendaftaran risiko mengikut tahap kritikal untuk mengawal impak ke atas fizikal, emosi manusia**, sosio ekonomi, sosial dan persekitaran. Pemantauan risiko dinilai dan dibentangkan di mesyuarat pengurusan risiko dan MKSP. Kepimpinan UiTMCP akan mempertimbangkan aspek kawalan persekitaran, hala tuju strategik, sasaran kewangan, pendekatan dan sumber yang berkaitan (L1-4-2b).

Barisan kepimpinan UiTMCP amat menitikberatkan penilaian risiko berterusan. Semasa pandemik COVID-19, ruang, fasiliti, perkakasan mesin dan peralatan PdP tidak digunakan sepenuhnya. Ia mengundang risiko luar jangka jika tidak diselenggara atau digunakan. **Pasukan fasiliti UiTMCP telah bertindak proaktif dengan menilai kondisi fasiliti dan tindakan pencegahan** dilakukan bagi mengelakkan tahap kerosakan yang serius (L1-4-2c). Untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan warga kampus, barisan kepimpinan mengambil tindakan segera dalam menangani situasi ketidakpastian semasa pandemik dengan mengeluarkan pekeliling, prosedur, memo, pindaan kaedah PdP (penyampaian dan pentaksiran) dan penyediaan kemudahan fasiliti pelaksanaan PdP dalam talian.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_L1-4-2a Petikan Minit Mesyuarat Pemilik Risiko Bil 1.2021.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_L1-4-2b Pendaftaran Risiko UiTMCP 2021\\_1.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20223\\_L1-4-2c Program Penyelenggaraan Berjadual 2021.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Eksekutif UiTM menunjukkan kepantasan dan komitmen terhadap tindakan penambahbaikan prestasi yang dilaksanakan **melalui kajian semula dan tindakan pembedahan** ke arah menggerakkan hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi.

Platform pemantauan utama adalah melalui **saluran mesyuarat tertinggi di UiTMCP yang dipengerusikan oleh Rektor** seperti perincian berikut - Mesyuarat JKEN diadakan sebulan sekali, Mesyuarat MKSP diadakan setiap enam bulan, Mesyuarat Analisis Skor Pencapaian PI i-UiTM diadakan setiap tiga bulan, Mesyuarat Kakitangan Akademik pada setiap semester, dan Mesyuarat MPD diadakan setiap empat bulan. Mesyuarat ini dijadualkan secara sistematik dalam takwim setiap awal tahun untuk mengelak pertindihan tarikh dan masa. Log tindakan dan laporan kajian semula keberkesanan sistem kawalan dalaman disediakan untuk dianalisis.

**Laporan penemuan Audit Dalam dan Audit Prosedur** juga merupakan platform yang signifikan dalam tindakan penambahbaikan. Hasil penemuan audit dianalisis dan dibentangkan kepada ketua PTJ. Seterusnya di peringkat PTJ, pihak ini memastikan hasil mesyuarat disampaikan kepada staf supaya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan dengan efisien. Ketua PTJ melaporkan hasil penambahbaikan dalam Log Tindakan. Ketua Sistem Audit mengesahkan laporan tersebut dengan bantuan auditor dan membentangkan Laporan Eksekutif dalam Mesyuarat MKSP (L1-4-3a).

Tindakan penambahbaikan juga telah dilaksanakan **berdasarkan tren prestasi aduan fasiliti yang dilaporkan dalam status Laporan Pencapaian Pengurusan Aduan Fasiliti** Semua Kampus UiTM Tahun 2021. BPF UiTMCP menganalisis data yang diberikan dan berusaha menambah baik *respond time* berdasarkan nilai-nilai ESI-IDART melalui sistem e-Monit. Sistem ini bertujuan memantau *respond time* aduan yang diterima. Penggunaan sistem ini berkesan apabila disokong dengan pembuktian peningkatan peratus aduan siap sebanyak 100%. Ketua Seksyen memantau kerja-kerja yang dilaksanakan dalam e-works berdasarkan kepada graf pencapaian e-works Tahunan BPF (L1-4-3b).

**Penganalisan secara berterusan terhadap SAP dan Program/Projek Inisiatif Kampus Hijau** dilaksanakan dan dikaji semula terutama program/projek yang berisiko tinggi melalui Mesyuarat JKSN. Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti mengkoordinasikan laporan analisa bagi setiap SAP dan dilaporkan dalam *UiTM Electronic Project Management Office* (UePMO).

**Penganalisan teknologi PdP dilakukan secara berkala melalui *Student Feedback Online*, Pemantauan Profesionalisme Pensyarah, *Teaching Self Evaluation* dan *Closing the Loop - Continuous Quality Improvement*** bawah kepimpinan Timbalan Rektor HEA UiTMCP. Penemuan analisa dibentangkan di platform seperti Jawatankuasa Akademik Negeri dan Jawatankuasa Jaminan Kualiti (L1-4-3c).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_L1-4-3a Log Tindakan MKSP Ke 32 Bil 2.2021\\_1.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_L1-4-3b Status Laporan Pencapaian Pengurusan Aduan Fasiliti Semua Kampus UiTM Tahun 2021\\_1.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20223\\_L1-4-3c Penganalisan Program Atau Projek Hijau Teknologi PdP UTMCP 2021\\_1.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan UiTMCP menonjolkan kepakaran dan bakat dalam menerajui inisiatif strategik dan objektif yang ingin dicapai dengan menggunakan **konsep kepimpinan melalui teladan**. Barisan kepimpinan menggerakkan agenda ini melalui pengagihan petunjuk prestasi kepada peneraju setiap bahagian dengan merangka pelbagai pelan tindakan, penambahbaikan, inovasi, intervensi dan mitigasi memfokuskan kepada teknologi hijau, teknologi dalam pemerkasaan PdP dan penyampaian perkhidmatan bagi memacu pencapaian terhadap petunjuk prestasi dan kecemerlangan universiti di peringkat nasional dan global.

Barisan kepimpinan **mengintegrasikan UiTMCP ke arah Jenama Kampus Lestari** dengan melantik Penyelaras Kampus Hijau proaktif bagi memantau pembangunan, pengoperasian dan penyelenggaraan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh *UI Green Metric World University Ranking* (L1-5a). Bagi menggerakkan Inisiatif Kampus Hijau, pelbagai pendekatan aplikasi teknologi hijau seperti *Water Harvesting*, *Green Roof* dan *Solar Lighting* digunakan. Selain itu, **perkongsian pintar** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dilaksanakan seperti program *knowledge and technology transfer*, *International Webinar Green Talk Series 2020* serta *Low Carbon Campus Convention 2021*. Barisan kepimpinan **mengintegrasikan prakarsa hijau melalui pendekatan keserakanan** dengan pihak industri dan komuniti melalui keterlibatan akademi berkongsi kepakaran antaranya dengan Masjid Bandar Universiti Seri Iskandar. Inisiatif hijau dilaksanakan di masjid terbabit seperti Projek Sistem Pengumpulan Air Hujan, Projek *Solar Charging Hub*, Projek Lampu Solar Kawasan dan Projek Kebun Bandar sehingga Masjid Bandar Universiti dianugerahkan Penarafan Masjid Bestari, Masjid Lestari Anugerah Alam Sekitar dan Pengiktirafan Gred A Cemerlang Negeri Perak oleh Jabatan Agama Islam Perak. Para akademi UiTMCP dalam usaha melestarikan kampus hijau berjaya memperolehi geran penyelidikan di peringkat nasional seperti Dana Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor dan Geran Perundingan *Contract Research* Majlis Bandaraya Ipoh. UiTMCP telah diiktiraf sebagai yang **terbaik di peringkat UiTM** sebagai Pemenang Keseluruhan Tahun 2021, Anugerah Kampus Lestari Hijau anjuran Pusat Hijau UiTM.

Kepimpinan UiTMCP melaksanakan **integrasi pragmatik melalui penawaran 12 program akademik** berteraskan teknologi seperti Diploma Teknologi Geospasial, Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Pembinaan Bangunan, Sarjana Senibina Hijau dan Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina. Elemen SDG diterapkan dalam pembangunan kurikulum (L1-5b). Program akademik ini diakreditasi oleh MBOT, seterusnya mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan dan melayakkan graduan dari program terbabit diiktiraf untuk mendaftar sebagai *Graduate Technologists*.

**Integrasi teknologi dalam pemerkasaan PdP dilaksanakan melalui penggunaan PdP berteknologi** seperti *Unmanned Aerial Vehicle*, *Infrared Thermography*, *Geographical Information System*, *Global Navigation Positioning System*, *Remote Sensing* dan lain-lain (L1-5c). **Teknologi digital dalam PdP diintegrasikan oleh HiTEL** kepada akademi melalui latihan. Penyediaan dan perkongsian PdP tanpa sempadan diintegrasikan melalui pembangunan MOOC contohnya kursus *Building Performance & Simulation* dan *Building Surveying Practice I*. UiTMCP mengiktiraf penggunaan teknologi PdP melalui Anugerah Akademik Universiti secara berterusan (L1-5d).

Bagi memperkasakan pengurusan fasiliti dan teknologi, barisan kepimpinan berusaha melonjakkan reputasi melalui **integrasi inovatif lestari** seperti penghasilan proses kerja yang efisien, kreatif dan inovatif melalui KIK dan OE. Projek-projek ini dicipta bagi tujuan penambahbaikan proses kerja untuk kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. e-SURAT dibangunkan untuk memudahkan proses pelantikan, e-Monit dibangunkan bagi memudahkan pemantauan jadual penyelenggaraan fasiliti, CARE dibangunkan untuk memantau penyelenggaraan makmal komputer, AUXI4U mewujudkan sistem pengurusan aduan dalam talian yang pantas dan mudah, *Virtual Valley* mengaplikasikan *google* dan *virtual private network* untuk urusan perkhidmatan kaunter dan latihan dalam talian (L1-5e).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20221\\_L1-5a Projek aplikasi hijau UiTMCP 2021.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20222\\_L1-5b Program akademik berteraskan elemen hijau UiTMCP 2021.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20223\\_L1-5c Senarai peralatan PdP berteknologi UiTMCP 2021.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20224\\_L1-5d Senarai MOOC UiTMCP 2021.pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20225\\_L1-5e Senarai inovasi teknologi penyampaian perkhidmatan UiTMCP 2021.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP melaksanakan **perancangan strategik sebagai mekanisme utama** bagi memacu dan memperkukuhkan kecemerlangan universiti selari dengan tiga Teras Strategik UiTM: Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*), Kecemerlangan Global (*Global Excellence*), dan Nilai (ESI-iDART). Maka, perancangan strategik UiTMCP adalah **sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) – ke arah mentransformasi dan melonjakkan kecemerlangan UiTM sebagai *Globally Renowned University 2025 (GRU2025)***. Perancangan strategik UiTMCP dikoordinasikan oleh seorang Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang melaksanakan tugas, disokong dan diperkasakan oleh Ahli Jawatankuasa Strategik Negeri (JKSN) yang dianggotai oleh Rektor UiTMCP dan Pengurusan Eksekutif serta Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP) seperti Ketua Fakulti, Ketua Pusat Pengajian, dan Ketua-Ketua Projek (Projek Khas Rektor) yang dilantik. PSTU, UiTMCP turut dibantu oleh seorang urusetia iaitu staf yang dilantik dari Pejabat Pentadbiran.

Perancangan strategik UiTMCP dilaksanakan berasaskan kepada **pendekatan PDCA (*Plan*: Peringkat Perancangan, *Do*: Peringkat Pelaksanaan, *Check*: Peringkat Pemantauan dan *Act*: Peringkat Tindakan Penambahbaikan)**. Keempat-empat peringkat tersebut dilaksanakan secara tersusun dan bersimbiotik antara satu dengan yang lain serta bersistematik bagi menghasilkan output dan keberhasilan yang terbaik seperti yang dihasratkan. Secara ringkasnya, Peringkat pertama iaitu **perancangan**, dilaksanakan melalui **pendekatan ‘top-down’ dan ‘bottom-up’ serta libat sama Pengurusan Eksekutif bersama PTJP** dalam merangka dan membangunkan Pelan Strategik (*Strategic Action Plan-SAP*) bersama inisiatif/program/projek lain sebagai sokongan. Peringkat kedua adalah pelaksanaan terhadap SAP yang melibatkan dua kategori pelaksana iaitu **pelaksanaan SAP Dasar/Utama oleh Pejabat Pihak Tanggungjawab Utama (PTJU) yang diketuai oleh Pengurusan Eksekutif sebagai Pengarah Program (Programme Director)** dan Pelaksanaan Pelan Tindakan Kecil (Sub-SAP) oleh PTJP dari Unit/Fakulti/Pusat Pengajian dan seluruh warga termasuk pelajar turut dilibat sama. Peringkat ketiga pula adalah **proses pemantauan secara berkala menerusi platform khas iaitu JKSN yang dilaksanakan empat kali setahun yang dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP serta mesyuarat-mesyuarat lain seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dikendalikan oleh Unit Pengurusan Kualiti sekerap dua kali setahun dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), tiga kali setahun yang dikendalikan oleh Pejabat Pentadbiran**. Peringkat terakhir adalah **tindakan penambahbaikan yang diambil susulan daripada input/proses pemantauan**. Proses ini melibatkan **tindakan penambahbaikan terhadap SAP** (jika perlu) dan **mekanisme pelaksanaan serta tindakan intervensi dan pencegahan bagi menguruskan risiko** serta mengoptimalkan potensi universiti ke arah merealisasikan sasaran petunjuk prestasi serta keberhasilan lain yang dihasratkan.

Memfokuskan kepada bidang tumpuan: **Pengurusan Fasiliti dan Teknologi** – Perancangan strategik UiTMCP tidak mengabaikan aspek bidang tumpuan ini, malahan proses pelaksanaannya adalah **lengkap berasaskan kepada pendekatan PDCA** seperti yang diuraikan. **UiTMCP mendepani agenda pengurusan fasiliti dan teknologi berbanding kampus lain di UiTM khususnya** melalui ‘inisiatif Kampus Lestari’ yang diilhamkan sejak Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) UiTMCP, 2011-2015. Sesuai dengan kaedah pengukuran *UI Green Metric World University Ranking*, pada RMKe-11 (2016-2020) UiTMCP telah menjenamakan semula inisiatif ini kepada **‘Inisiatif Kampus Hijau’** yang diperkasakan dengan **13 program/projek utama** yang bertindak sebagai sistem sokongan ke arah memacu pencapaian terhadap petunjuk prestasi dan kecemerlangan universiti. Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci berasaskan ADLI. Menerusi inisiatif ini UiTMCP telah dimasyhurkan dengan pelbagai pencapaian Kampus Hijau.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Secara keseluruhannya, pendekatan perancangan strategik UiTMCP adalah berbentuk '*top-down*' dan '*bottom-up*' serta libat sama Pengurusan Eksekutif bersama Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP) secara bersasar dalam merangka dan membangunkan SAP serta inisiatif/program/projek lain sebagai sokongan kepada agenda kecemerlangan universiti.

Pendekatan '*top-down*' adalah satu proses menterjemah, mengadaptasi dan penetapan hala tuju (aspirasi kecemerlangan) UiTMCP yang bersejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025. Secara dasarnya, UiTM berkongsi satu Hala Tuju Strategik (*Strategic Goal*): *Towards a Globally Renowed University in 2025* bagi semua sistem di UiTM (L2-2a). Maka, keseluruhan sistem di UiTM bertumpukan kepada merealisasikan Visi, Misi dan *Desired State 2025* berasaskan kepada sasaran KPI dan PI yang diperturunkan. Melalui pendekatan '*bottom-up*', UiTMCP memperkukuhkan proses dan pendekatan perancangan bagi memastikan hasrat UiTM sebagai GRU2025 tersebut dapat direalisasikan dengan sumbangan jasa yang tinggi di peringkat UiTMCP. Berikutan itu, pendekatan '*top-down*' dan '*bottom-up*' ini berupaya memastikan perancangan strategik UiTMCP **bersistematik**, berintegrasi dengan elemen-elemen **inovasi** dan **perkongsian pengetahuan dalam proses menghasilkan SAP**. Ini termasuklah libat sama bersasar dan perkongsian oleh Pengurusan Eksekutif (L2-2b), **warga akademia UiTMCP, pemegang-pemegang taruh serta penglibatan wakil pelajar**. Proses pembangunan SAP adalah berperingkat dari draf awal sehingga diperhalusi dan dimuktamadkan dalam bengkel perancangan strategik tahunan yang dibuat setiap hujung tahun (L2-2c). Bengkel ini mengaplikasikan templat inovasi (L2-2d) yang dibangunkan berasaskan pendekatan ADLI (*Approach, Deployment, Learning dan Integration*) supaya SAP yang dibangunkan lebih bersasar, berdayalaksana dan berimpak tinggi. Pengurusan Eksekutif UiTMCP komited dalam menghasilkan SAP yang boleh mencerna dan membina budaya kerja tangkas (*agile*). Ianya merentasi unit/fakulti/pusat pengajian, dinamik serta sesuai dengan kompetensi dan kekuatan kampus. Maka, dengan kata lain, **SAP yang dibangunkan adalah berorientasikan kepada kepakaran warga** terutama di peringkat pelaksana utama (unit/fakulti/pusat pengajian).

Berikut di atas adalah pendekatan perancangan strategik UiTMCP secara menyeluruh. Seperti yang dinyatakan, **Pengurusan Fasiliti dan Teknologi** tidak dikecualikan dalam perancangan strategik UiTMCP, **bahkan melalui proses dan penggunaan templat inovasi yang sama**. Rektor UiTMCP dengan dibantu oleh PSTU sentiasa meletakkan agenda Pengurusan Fasiliti dan Teknologi menjadi sistem sokongan teras kepada kecemerlangan UiTMCP. Walaupun tahun 2021 khususnya, belum ada petunjuk prestasi spesifik berkaitan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi yang diperturunkan ke kampus cawangan, **Inisiatif Kampus Hijau RMKe-11 adalah dikekalkan menjadi agenda utama UiTMCP dengan 13 Program/Projek (L2-2e)** dan diberikan tanggungjawab kepada Penyelaras Kampus Hijau di bawah kawal selia Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) UiTMCP. Untuk menunjukkan komitmen UiTMCP ke atas agenda ini, **Inisiatif Kampus Hijau diletakkan sebahagian daripada Objektif Kualiti UiTMCP. 3 Objektif Kualiti yang dibangunkan sejajar dengan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi (atau spesifiknya Inisiatif Kampus Hijau)**.

Pendekatan ini berupaya **melestari dan memperkukuhkan perancangan strategik Kampus Hijau** dan sekaligus meningkatkan imej serta ketampakkan UiTMCP sama ada dalaman mahupun luaran. Lebih dari itu, ia telah **membuka peluang seluas-luasnya bagi aktiviti-aktiviti kolaborasi dan sumbangan pakar akademia** UiTMCP berkaitan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi kepada pihak luar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20221\\_L2-2a Strategic Goal GRU 2025.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20222\\_L2-2b Bengkel Libatsama Pegawai Eksekutif.docx.pdf](#)

3. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20223\\_L2-2c Bengkel Perancangan Strategik.docx.pdf](#)
4. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20224\\_L2-2d Template Pembangunan SAP Berasaskan ADLI.docx.pdf](#)
5. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20225\\_L2-2e 13 Projek Inisiatif Kampus Hijau UiTMCP.docx.pdf](#)



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

SAP UiTMCP dibangunkan **sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025 dan dilaksanakan berasaskan kepada Model Pelaksanaan Pelan Strategik UiTMCP (*Strategic Execution Model 2025@UiTM Perak*) 2020-2025** (L2-3a). Sebanyak 23 SAP utama disasarkan pada 2021 sebagai pemangkin pencapaian sekurang-kurangnya 85% terhadap sasaran PI. Tujuh (7) PTJU dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan pelaksanaan 23 SAP tersebut mengikut Teras Strategik masing-masing. Bahagian/unit lain seperti Bahagian Perpustakaan, Pejabat Polis bantuan dan Bahagian Infostruktur, turut terlibat memberikan kerjasama dan sokongan ke atas pelaksanaan 23 SAP tersebut sesuai dengan tugas hakiki masing-masing. Sebagai tambahan mereka turut melaksanakan inisiatif masing-masing termasuklah seperti yang ditetapkan dalam Objektif Kualiti. **Inisiatif Kampus Hijau oleh Bahagian Pembangunan dan Fasiliti** yang digerakkan oleh Jawatankuasa Kampus Hijau, **Bahagian Infostruktur mengendalikan teknologi berkaitan PdP**, dan **Pejabat Polis Bantuan menguruskan aktiviti berkaitan keselamatan dan bencana** (L2-3b).

Melalui lensa strategik, **staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar adalah merupakan aset penting universiti**. Mereka menjadi tulang belakang utama dalam **melaksanakan agenda-agenda universiti di peringkat nasional mahupun global**. Menyedari perkara ini, fungsi dan peranan warga diperlihatkan dan ditonjolkan secara jelas dalam Model Pelaksanaan Pelan Strategik@UiTM Perak 2020-2025 tersebut. Mereka ini adalah pelaksana utama terhadap 23 SAP UiTMCP dan **wujudnya simbiotik (interaksi dua hala) bersama Pengurusan Eksekutif. Insentif dan sokongan dari peringkat Pengurusan Eksekutif disalurkan kepada pelaksana utama bagi melancarkan proses pelaksanaan SAP dan inisiatif-inisiatif utama universiti.**

**Inisiatif Kampus Hijau adalah salah satu agenda utama universiti yang diletakkan sebagai Rector Special Project.** Inisiatif ini diberikan tumpuan yang menyeluruh sehingga ia menjadi **tema (tagline) perintis kecemerlangan akademik UiTMCP** yang ditonjolkan pada surat rasmi UiTMCP, iaitu: **“UiTM Teknologi MARA Cawangan Perak: Experiential learning in a green environment@Seri Iskandar”** (L2-3c). Ianya menunjukkan komitmen UiTMCP ke arah mewujudkan persekitaran kampus hijau dan sejahtera serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan universiti di samping mentransformasikan budaya kerja dan amalan warga kampus menjadi lebih baik. **Berikutan itu, 13 program/projek telah dibangunkan merentasi semua dimensi Pengurusan Fasiliti dan Teknologi** sesuai dengan keperluan universiti dan warga. Ini termasuklah program hijau, penyelidikan dan ekosistem hijau, infrastruktur PdP, keselamatan kampus dan penjimatan tenaga. Penggunaan teknologi berfokuskan kepada tiga sasaran utama iaitu teknologi hijau, teknologi dalam pemeraksanaan PdP, dan teknologi dalam sistem penyampaian universiti. **Projek-projek ini diterajui Penyelaras Kampus Hijau bersama Jawatankuasa Kecil yang dibentuk di bawah kawal selia BPF UiTMCP.** Malahan, **semua warga UiTMCP turut terlibat.** Projek-projek yang telah dilaksanakan sama ada **di peringkat dalaman mahupun luaran yang berteraskan inovasi dan teknologi serta merentasi unit/jabatan/fakulti** (L2-3d). **Jawatankuasa EKSA turut mengambil tanggungjawab dalam memperkukuhkan lagi inisiatif Pengurusan Fasiliti dan Teknologi** ini melalui aktiviti-aktiviti lawatan berkala yang dilaksanakan di peringkat akar umbi (unit/jabatan/fakulti). Ini **sekaligus memupuk dan membudayakan amalan terbaik di kalangan warga** kampus dalam pengurusan fasiliti dan ruang pejabat.

Perluasan pelaksanaan projek-projek **Kampus Hijau ini diperhebatkan dengan jaringan kolaborasi MoU, perkongsian/khidmat kepakaran akademia UiTMCP** berkaitan Pengurusan Fasiliti (L2-3e) dan **ketampakkan program/aktiviti/projek dipertingkatkan** setiap tahun dan tahun 2022 bakal mengerak dan merealisasikan projek-projek yang berimpak tinggi – **memberikan kesan positif kepada kesejahteraan warga kampus, pihak tanggungjawab dan komuniti luar.**

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20221\\_L2-3a Model Pelaksanaan Pelan Strategik UiTM Perak.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20222\\_L2-3b Objektif Kualiti Kampus Hijau dan Pengurusan Fasiliti.docx.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20223\\_L2-3c Tagline UiTMCP Experiential Learning in a Green Enironment @ Seri Iskandar.docx.pdf](#)
4. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20224\\_L2-3d Projek Kampus Hijau yang Berteraskan Inovasi Teknologi.docx.pdf](#)
5. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20225\\_L2-3e Pakar Rujuk\\_Kolaborasi MoU e-Idaman.docx.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Perancangan tanpa proses pelaksanaan tidak akan membawa apa-apa perubahan. Pelaksanaan tanpa proses pemantauan pula boleh menyebabkan pencapaian tersasar dari jangkaan hasil yang dihasratkan. **UiTMCP terutama Pengurusan Eksekutif arif tentang perkara ini. Sehubungan itu, proses pelaksanaan SAP dan projek-projek inisiatif UiTMCP khususnya Inisiatif Kampus Hijau tahun 2021 telah melalui tindakan-aturcara pemantauan yang sistematik dan berkesan 23 SAP UiTMCP dipantau melalui Mesyuarat JKSN yang dilaksanakan 4 kali setahun yang dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP.**

**13 program/projek Inisiatif Kampus Hijau pula dipantau melalui MKSP yang dilaksanakan 2 kali setahun. Progres pelaksanaan turut dibentangkan mengikut keperluan semasa di MPD, 3 kali setahun. Fokus utama pemantauan adalah ke arah memastikan 3 keberhasilan utama, iaitu:**

- **Keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kemampanan pengurusan fasiliti dan kemajuan teknologi.**
- **Pembudayaan inovasi membentuk kecemerlangan warga kampus menerajui perkembangan teknologi terkehadapan.**
- **Pengukuhan pengiktirafan Kampus Lestari.**

**Mekanisma pemantauan yang sedia ada ini, didapati sangat berkesan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program/projek dan tindakan penambahbaikan terhadap permasalahan yang dikenalpasti. Contohnya dalam pemerkasaan pasukan pelaksana, pengisian program/projek serta tindakan-tindakan pencegahan/intervensi berasaskan kepada risiko yang dijangkakan samada dalam pengurusan fasiliti dan kemajuan teknologi, pemerkasaan PdP seperti SUFO, PRO-PENS dan TESA. Pemantauan berkesan ini dibantu oleh templat inovasi pelaporan pencapaian MKSP yang dibangunkan oleh Unit Pengurusan Kualiti (L2-4-1a) yang berasaskan konsep ADLI. Maka, sebarang isu dan permasalahan yang wujud berupaya diperhalusi oleh PTJU atau PTJ Pelaksana secara lebih bersasar dan diuruskan dengan cadangan-cadangan terbaik (L2-4-1b).**

Sekaligus, ianya digunakan **sebagai input kajian semula pengurusan ke arah membangunkan strategi intervensi dan pelaksanaan ke arah mengoptimalkan keberhasilan program/projek serta mengurangkan tahap risiko. Contoh input yang diguna pakai bagi memperkasakan lagi pelaksanaan Inisiatif Kampus Hijau adalah seperti (L2-4-1c). Cara ini mengoptimalkan potensi universiti ke arah merealisasikan sasaran petunjuk prestasi serta keberhasilan lain yang dihasratkan.**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_L2-4-1a Template ADLI.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20222\\_L2-4-1b Template Pemantauan yang diPerhalusi PTJ.docx.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20223\\_L2-4-1c Minit Mesyuarat MKSP Bil 1\\_2021.docx.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kesemua **23 SAP UiTMCP 2021** didaftarkan bersama-sama dengan risiko (seperti senarai risiko UiTM) berserta tiga elemen pengukuran: Kebarangkalian berlaku (*likelihood of occurrence*), kadar impak (*magnitude of impact*) dan tahap risiko (*risk level*). Perkara ini masing-masing diuruskan oleh Pengarah (Ketua PTJ) dan Pasukan Projek (sebagai Pemilik dan Pelaksana Risiko) dan dikoordinasikan oleh PSTU, UiTMCP, selaku urusetia kepada pelaksanaan SAP UiTMCP. Setiap risiko melibatkan kos dan manfaat yang perlu diperhalusi untuk menghasilkan pulangan yang terbaik (seperti mengurangkan kos tetapi memberikan impak yang tinggi). Proses pemantauan risiko secara komprehensif dari peringkat membangunkan projek sehingga ke peringkat pelaksanaan yang dibuat **setiap tiga bulan melalui platform Mesyuarat JKSN. Hasilnya, UiTMCP berjaya melaksanakan 23 SAP tersebut dan impaknya telah melonjakkan pencapaian Skor PI UiTMCP 2021 kepada 98% berbanding 84% pada tahun 2020.**

**13 program/projek Kampus Hijau dan pengurusan fasiliti kampus secara keseluruhan untuk pengurusan fasiliti dan pemerkasaan PdP juga melalui proses pemantauan jenis risiko yang telah dikenal pasti (didaftarkan) seperti (L2-4-2a).** Ini untuk memastikan kebolehlaksanaan dan berimpak tinggi serta terhindar dari risiko yang boleh menyebabkan kemalangan kerana **inisiatif kampus hijau ini mempunyai projek-projek fizikal (risiko operasi) yang boleh mengundang risiko ke atas fizikal manusia.**

Pendaftaran risiko rasmi UiTMCP adalah dilaksanakan oleh **Unit Pengurusan Risiko, UiTMCP** yang bertanggungjawab mengumpul dan mendaftarkan risiko-risiko yang diketengahkan oleh setiap PTJ/ Pengarah Projek dan menganalisis risiko-risiko khususnya yang boleh menyebabkan kemalangan dan kecederaan. **Unit ini dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP dan ahlinya terdiri daripada Pengurusan Eksekutif selaku Ketua PTJ dan pada masa yang sama sebagai Pengarah program/projek.** Ini selaras dengan **peruntukan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM.** Sebagai langkah kawalan pemantauan setiap jenis dan tahap risiko yang didaftarkan oleh PTJ dibincangkan bersama dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan ianya diuruskan bersesuaian dengan situasi persekitaran setiap PTJ. Tahun 2021, Malaysia dan UiTMCP khususnya masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19. Namun, hasil pengurusan risiko yang berkesan, kesiapsiagaan serta analisis impak operasi COVID-19, maka impak risiko berupaya dikurangkan (L2-4-2b). **Ini dibuktikan dengan lonjakkan Skor PI dari 84% (2020) kepada 98% (2021), dan Inisiatif Kampus Hijau UiTMCP mengungguli kejuaraan Anugerah Kampus Lestari UiTM 2021 dan kejuaran-kejuaraan luar UiTM khususnya di peringkat pihak berkuasa tempatan (L2-4-2c).**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_L2-4-2a Senarai Risiko Melibatkan Kampus Hijau dan Pengurusan Fasiliti.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20222\\_L2-4-2b Minit Mesyuarat Pengurusan Risiko.docx.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20223\\_L2-4-2c Bukti Kejayaan Kampus Hijau.docx.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tahun 2021, Malaysia dan UiTMCP khususnya masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, **SAP dan program/projek di bawah Inisiatif Kampus Hijau sentiasa diteliti dan dikaji semula terutama program/projek yang mempunyai tahap risiko yang tinggi.** Didapati, 23 SAP UiTMCP tidak terkesan dengan serius akibat pandemik COVID-19 kerana teknologi digital telah membuka peluang seluas-luasnya kepada aktiviti-aktiviti PdP dan penyelidikan secara maya. Selain itu, aktiviti-aktiviti bersama komuniti, agensi dan industri juga tidak terhalang sepenuhnya kerana pematuhan kepada SOP yang ketat. **23 SAP ini dapat dilaksanakan 100% dengan tahap risiko yang rendah (L2-4-3a) dan ia sekaligus memberikan impak kepada kecemerlangan universiti, akademia dan semua warga UiTMCP.**

**Langkah-langkah penambahbaikan dan strategi intervensi tetap dikemukakan dan dilaksanakan sebaiknya** sesuai dengan konsep perkongsian dan pengurusan pengetahuan. **Ini bagi meningkat dan memperkukuhkan lagi keberhasilan (impak) program/projek.** Rumusan contoh-contoh penemuan hasil analisis dan tindakan penambahbaikan khususnya bagi **program/projek/aktiviti Inisiatif Kampus Hijau dan pengurusan fasiliti kampus** secara menyeluruh adalah seperti berikut (L2-4-3b):

- **Isu:** Pandemik COVID-19 berlanjutan dan menyukarkan kerja/aktiviti Kampus Hijau.  
**Tindakan:** Meneruskan aktiviti pembudayaan dan perkongsian ilmu dan kesedaran secara maya terbuka kepada warga kampus dan komuniti luar (L2-4-3c).
- **Isu:** Kekangan memasuki kampus mengganggu kerja menjaga pokok – projek penanaman hijau dalam kampus. **Tindakan:** Membuat penjadualan penjagaan pokok secara sistematik melibatkan semua pihak bertanggungjawab (PIC dan BPF) (L2-4-3d).
- **Isu:** Pemerksaan PdP semasa pandemik COVID-19 terganggu kerana akses internet dan rangkaian data yang terbatas menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran.  
**Tindakan:** Membuat permohonan pencapaian data diperluaskan dalam kalangan pelajar yang berada di kampus (L2-4-3e).

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tindakan-tindakan penambahbaikan dan pencegahan yang diambil telah memberikan impak positif terhadap pelaksanaan program/projek secara keseluruhannya dan keberhasilan yang membanggakan UiTMCP. **Ini sekali gus membuktikan perancangan strategik UiTMCP adalah bersifat anjal dan holistik merentasi semua aspek dari keberhasilan warga kepada keberdayaan dan efisien dalam menguruskan fasiliti kampus berasaskan Inisiatif Kampus Hijau**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_L2-4-3a SAP Tahap Risiko Projek.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20222\\_L2-4-3b Laporan Isu dan Intervensi Kampus Hijau.docx.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20223\\_L2-4-3c Isu dan Tindakan Berkaitan Program Kampus Hijau UiTMCP.docx.pdf](#)
4. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20224\\_L2-4-3d Isu dan Tindakan Berkaitan Penjadualan Penjagaan Pokok.docx.pdf](#)
5. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20225\\_L2-4-3e Isu dan Tindakan Berkaitan Pemerksaan PdP atau ODL.docx.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pada tahun 2021, **UiTMCP telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan (Anugerah Kampus Lestari UiTM 2021) dalam bidang tumpuan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi.** Ini adalah hasil daripada perancangan dan pelaksanaan inisiatif/program/projek **secara komprehensif dan kolektif (semua warga tidak berkecuali) serta futuristik.** Pengurusan Eksekutif menggerakkan agenda ini bermula dengan tindakan-tindakan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dengan merancang dan mengoptimalkan peluang-peluang yang ada serta mendepani cabaran-cabaran semasa dengan penuh teliti ke arah meningkatkan ketampakan imej kampus dan kecemerlangan universiti. Ini berikutan, **Inisiatif Kampus Hijau telah bertindak sebagai sistem sokongan yang memacu pencapaian terhadap petunjuk prestasi dan kecemerlangan universiti di peringkat nasional dan global** Malahan ianya adalah sebagai pelan strategik bagi melestarikan UiTMCP dan fungsinya memberdayakan dan mencelikkan masyarakat seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDG)*, terutama matlamat-matlamat berkaitan dengan *Quality Education (SDG4)*, *Reduced Inequalities (SDG10)*, *Sustainable Cities and Communities (SDG11)*, dan *Responsible Consumption and Production (SDG12)*.

Maka, sudah pasti kejayaan tersebut di atas telah **disambut, disebarluas dan dikongsi kegembiraan bersama** semua warga kampus melalui amanat tahun baharu Rektor, jerayawara Rektor, lawatan kerja Naib Canselor, dan Pengurusan Eksekutif ke unit/fakulti/pusat pengajian dan media sosial seperti *Facebook Rasmi UiTMCP (L2-5a)*. Terpenting, usaha ini adalah masih lagi dianggap permulaan kerana **UiTMCP mempunyai cita-cita yang lebih besar iaitu menuju Universiti Lestari 2025 (L2-5b)**. Oleh itu, **penjajaran gerak kerja dan proses pengharmonian dengan proses pengukuran akan diteruskan secara meluas merentasi unit/jabatan/fakulti ke arah membentuk sistem budaya kerja cemerlang dan lestari serta berimpak tinggi.**

Dalam hal ini, **UiTMCP melihat inisiatif kampus hijau ini telah disambut baik, diintegrasikan dan dihargai oleh UiTM khususnya Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur kerana pertama kalinya (tahun 2022), 3 petunjuk prestasi berkaitan inisiatif kampus hijau telah diperkenal dan diperturunkan ke peringkat kampus iaitu (a) pelaksanaan program konservasi air, (b) program kitar semula sisa dalam kampus, dan (c) program mengurangkan penggunaan kertas dan plastik di kampus** Dijangkakan, petunjuk prestasi dari aspek ini akan diperkasakan dari masa ke semasa dan ianya sekali gus akan merancang dan mengiatkan lagi agenda dan keberhasilan kampus hijau di UiTMCP khususnya dan di UiTM amnya.

Berikutan itu, **aktiviti-aktiviti kolaborasi/keserakanan dan MoU akan berjaya diperluaskan, integrasi dengan pihak luar (agensi, IPT) dan industri akan diperkasakan menerusi kepakaran akademia.** Ketampakan UiTMCP dalam Inisiatif Kampus Hijau diperhebatkan dengan SAP Kampus Hijau 2022 (L2-5c) dan ini bakal menarik minat kampus-kampus lain di UiTM dan pihak luar datang membuat suri tauladan ke UiTMCP dan membuahkan integrasi amalan terbaik secara menyeluruh, khususnya di sistem UiTM. Ini adalah selari dengan pendekatan perancangan strategik UiTMCP (Strategik Mikro) yang sentiasa seiring dan diintegrasikan dengan fokus strategik UiTM 2025. Tidak ketinggalan perancangan strategik di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pelan strategik di peringkat Kerajaan Negeri Perak, Darul Ridzuan, khususnya dalam memperkasa sumber tenaga manusia dan kebolehpasaran graduan, kelestarian pengurusan fasiliti, aplikasi teknologi dan memacu kesejahteraan komuniti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20221\\_L2-5a Pelantikan Pakar Rujuk melalui Media Sosial.docx.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20222\\_L2-5b Tagline Kampus Hijau.docx.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20223\\_L2-5c SAP Kampus Hijau 2022.docx.pdf](#)

- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP kini terus mengorak langkah ke hadapan dengan mengikuti kemajuan teknologi semasa dalam memastikan sistem pengurusan universiti sentiasa relevan dan terkini. Cabaran *Education 5.0@UiTM* dan isu global dalam mendepani pandemik COVID-19 telah membuka ruang seluas-luasnya ke arah **transformasi digital** sekaligus mengubah corak pengurusan UiTMCP dengan mengambil peluang menggunakan teknologi terkini dalam persekitaran norma baharu. Seajar dengan agenda/aspirasi tumpuan pelanggan, di peringkat perancangan, UiTMCP sentiasa mengutamakan penglibatan pelanggan dalam memastikan keberjayaan pelaksanaan sesuatu rancangan. Perancangan Strategik dan Objektif Kualiti UiTMCP sentiasa memberikan keutamaan terhadap Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan dengan pelanggan.

Tahun 2021, UiTMCP mengambil pendekatan perancangan agenda kepuasan/tumpuan pelanggan berpandukan kepada prestasi perkhidmatan terbaik yang dipraktikkan tahun 2020 berteraskan nilai kecemerlangan, integriti dan sinergi (ESI-iDART). Kecemerlangan pencapaian telah dibuktikan dengan skor PI i-UiTM pada suku ke-4 2021 adalah 98% iaitu pencapaian tertinggi UiTMCP dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12. UiTMCP terus komited dan dinamik dalam merangka inisiatif/strategi memperkasa aspek tumpuan pelanggan bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025. Pendekatan melalui tiga Teras Strategik iaitu *Quality Education Global Excellence* dan *Value Based Performance*. Pengurusan fasiliti dan teknologi telah banyak membantu UiTMCP dalam merealisasikan agenda "*Globally Renowned University 2025*" (GRU 2025). Rangkaian capaian internet yang baik menyumbang kepada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang efektif, persidangan, webinar dan kolaborasi dengan pihak luar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dapat dijalankan secara maya dengan jayanya.

Pemantauan kualiti perkhidmatan sentiasa dijalankan melalui soal selidik persepsi warga kampus terhadap kualiti dan masalah fasiliti dan pengurusannya. Setelah setahun melalui Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), UiTMCP semakin tangkas dan berdayalaksana menghadapi suasana endemik dengan tindakan pantas barisan kepimpinan merangka strategi yang melibatkan pelanggan utama iaitu pelajar dan akademik yang melaksanakan suasana PdP secara dalam talian.

Tindakan menaiktaraf capaian internet di kampus sesuai dengan kecekapan dan kekuatan kampus di samping memperhalusi potensi dan cabaran secara berterusan. Penglibatan semua lapisan kepimpinan bermula dari peringkat eksekutif, pengurusan dalaman yang dianggotai oleh ketua-ketua unit dan bahagian, ketua-ketua fakulti serta ketua pusat pengajian sehingga ke barisan kepimpinan pelajar telah bergabung tenaga merancang untuk menyelesaikan permasalahan dan menjalankan tanggungjawab, demi pelanggan. Keprihatinan dan kesejahteraan seluruh warga adalah satu keutamaan dan ini membuktikan keprihatinan pengurusan terhadap kesejahteraan warga kampus.

Program inisiatif kampus hijau dijalankan bagi memupuk warga kampus supaya sentiasa membudayakan amalan hijau yang lebih sihat, bersih dan selamat dari sebarang pencemaran alam. Amalan hijau diteruskan dengan menyebarkan ilmu dan kepakaran para pensyarah kepada komuniti luar melalui program khidmat masyarakat dengan menyumbang pelbagai kemudahan kepada mereka untuk dinikmati.

Kecemerlangan operasi pengurusan fasiliti dan teknologi UiTMCP turut dipertingkatkan dengan tindakan pantas terhadap setiap maklum balas dan aduan daripada pelanggan yang telah diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK). Analisis pencapaian kepuasan pelanggan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak 2 kali setahun yang dianggotai oleh ketua-ketua bahagian dan unit. Selain itu, pelaporan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun turut dianalisis untuk tindakan pencegahan dan penambahbaikan secara berterusan. Keberkesanan cara kerja yang diamalkan oleh UiTMCP ini telah dibuktikan



dengan pencapaian-pencapaian cemerlang berkaitan inisiatif kampus hijau yang dilakar pada tahun 2021.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bidang tumpuan pengurusan fasiliti dan teknologi adalah bidang tumpuan pilihan yang digerakkan oleh UiTMCP seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025. UiTMCP berusaha keras untuk membolehkan kumpulan sasaran menikmati kemudahan fasiliti dan teknologi yang mampan. Usaha ini selari dengan beberapa SDG iaitu *Quality Education* (SDG4), dan *Sustainable Cities and Communities* (SDG11) seperti yang dinyatakan dalam Kriteria 2.

Kumpulan sasaran utama bagi bidang tumpuan ialah **warga kampus** yang melibatkan **staf akademik (pakar bidang dan profesional), staf sokongan dan pelajar**. Dalam memacu warga kampus ke arah GRU 2025, UiTMCP menggunakan pendekatan pemeraksanaan teknologi dan fasiliti dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pemeraksanaan ini telah membawa kepada ketampakan global dalam PdP seperti inovasi *Massive Open Online Course* (MOOC), penubuhan *Hub for Innovative Teaching & Learning* (HiTEL), penyediaan ruang pintar seperti *smart classroom*, penggunaan peralatan teknologi terkini seperti *drone*, *multi-parameter ventilation*, *lux meter* dan sebagainya (L3-2a). Pemeraksanaan teknologi dan fasiliti dalam PdP ini juga telah membantu program-program UiTMCP mendapat akreditasi dari *Malaysian Board of Technology* (MBOT). Pendekatan inovasi PdP melalui *Collaborative Group Collaborative Teaching* (CGCT) telah menjimatkan kos operasi kerana dapat mengoptimumkan perlantikan pensyarah *Part-Time Full-Time* (PTFT). Selain pemeraksanaan fasiliti dan teknologi dalam PdP, penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasaran turut ditekankan. Pendekatan inovasi dalam penambahbaikan proses kerja telah dapat memaksimumkan penyampaian perkhidmatan seperti proses surat lantikan dalam talian (e-SURAT), pemantauan jadual penyelenggaraan fasiliti (e-Monit), 'Computer Lab Maintenance Report'/Penyelenggaraan komputer dan penyediaan laporan penyelenggaraan (CARE), Sistem Permohonan Kad Akses (AC-DOOR), AUX14U (pengurusan aduan dalam talian), *Virtual Valley* untuk urusan perkhidmatan kaunter dan latihan dalam talian (L3-2b).

Kumpulan sasaran kedua ialah **komuniti dan organisasi luar**. Antara **pendekatan** yang melibatkan kumpulan sasaran kedua ini ialah **perkongsian syarahan, kepakaran dan perundingan**. Pakar bidang UiTMCP menjadi penggubal polisi, dasar dan garis panduan pengurusan ruang dan fasiliti yang dirujuk oleh institusi dan organisasi luar di Malaysia. Mereka juga dilantik sebagai panel jemputan dalam program berimpak tinggi untuk berkongsi kepakaran dalam bidang tumpuan (L3-2c). Kepakaran UiTMCP juga dikongsi bersama komuniti setempat melalui pendekatan **Knowledge Transfer Programme (KTP) dan khidmat masyarakat** (L3-2d). Antara projek teknologi hijau yang telah dijalankan adalah projek pemasangan solar panel di masjid, sekolah dan perumahan, projek pengurusan tadahan air hujan, kempen 3R dan pemindahan ilmu melalui webinar berkaitan kelestarian dan teknologi hijau. Kini, UiTMCP menjadi kampus tanda aras bagi institusi luar dalam kelestarian dan teknologi hijau.

Kumpulan sasaran ketiga ialah **rakan strategik dan pemegang taruh** yang merupakan pelanggan penting dalam merealisasikan objektif kesarjanaan UiTMCP. UiTMCP mempunyai 20 rakan strategik dan telah memetri perjanjian sebanyak 23 MoU/MoA/MoC dengan rakan strategik luar negara. Melalui pendekatan perjanjian ini, langkah pembudayaan penyelidikan dan penerbitan melalui inisiatif geran dalaman dan luaran telah menyerlahkan ketampakan UiTMCP di peringkat nasional dan global. Usaha kolaborasi bersama universiti tersohor tempatan dan luar negara serta jalinan dengan pihak industri telah giat dijalankan. Antaranya adalah program *Asia International Conference Art and Design* (AICAD) yang menghimpunkan pelbagai program dan peserta dari negara Asia. Program ini telah menjalin kerjasama melalui pemindahan ilmu dengan universiti dari negara Asia dan mendapat pengiktirafan dari universiti luar negara (L3-2e).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20221\\_L3-2a Pemeraksanaan PdP berfokuskan fasiliti dan teknologi terkini.pdf](#)

2. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20222\\_L3-2b Pendekatan Inovasi dalam Penyampaian Perkhidmatan.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20223\\_L3-2c Pendekatan Perkongsian Kepakaran Staf UiTMCP bersama Pihak Luar.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20224\\_L3-2d Program Pemindahan Ilmu \(Knowledge Transfer Program\).pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20225\\_L3-2e Pendekatan Perjanjian dan Program Bersama Rakan Strategik.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah pengumpulan data secara meluas melalui proses pengisian maklumat oleh pelanggan dapat diintegrasikan dalam sistem sebagai rekod. Antara sistem yang melibatkan pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data warga kampus ialah i-staf portal dan *Student Information Management System* (SIMS). Selain itu, data penerbitan yang dihasilkan oleh staf UiTMCP dapat dikenalpasti melalui sistem *Publication Repository Information System Management* (PRISMa) dan Amanah Tugas Pensyarah (MyATP). Rekod data penyelidikan, geran dan perundingan dikumpul dan disimpan melalui sistem seperti *Intergrated Research Management Institute Services* (iRMIs), *RMI Reporting System* (iReS) dan *Intergrated Consultancy System* (iCONS). Melalui sistem integrasi ini, data pelanggan mudah untuk dikenalpasti dan diselenggara. Pengurusan data bagi program juga diuruskan melalui pembangunan *website* rasmi seperti *aicadofficial.com* (AICAD) dan *hitelperak.wixsite.com* (HiTEL) yang memudahkan pengurusan data program yang dikendalikan. Penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana efektif dalam perluasan komunikasi yang memudahkan data pelanggan dikenalpasti. Melalui jumlah followers Facebook (13,276), Instagram (1,124), Twitter (1,540) dan Youtube (2,724), kemudahan data pelanggan yang terkini dapat diperluaskan dengan lebih efektif (L3-3a).

UiTMCP menggalakkan warga kampus untuk memperluaskan penggunaan fasiliti dengan meningkatkan penggunaan teknologi dalam memperkasakan PdP. Platform seperti MOOC, HiTEL, peralatan berteknologi tinggi seperti drone di dalam PdP telah membuka ruang penglibatan kumpulan sasaran utama dalam kebersediaan ke arah agenda *Education 5.0@UiTM. Smart Classroom* iaitu ruang BYOD (*Bring Your Own Device*) yang dilengkapi peralatan seperti projektor dan rangkaian internet pantas menjadi penggalak kepada penglibatan warga kampus supaya lebih fleksibel dalam PdP. Selain itu, pengurusan fasiliti dan teknologi yang efektif diserapkan di dalam penyampaian perkhidmatan. Penglibatan warga kampus dalam menghasilkan inovasi seperti e-SURAT, AUXI4U, e-Monit, CARE dan AC-DOOR telah dapat menjimatkan masa dan kos pengurusan. Malah, laporan inisiatif kampus hijau juga menggunakan teknologi e-book di platform *flipbook* dan boleh dirujuk di laman web UiTMCP dengan lebih mudah (L3-3b).

Seiring dengan agenda melestarikan kampus, pelbagai inisiatif kampus hijau telah diperluaskan kepada pelanggan. Antaranya adalah sesi perkongsian ilmu dari pakar bidang bersama kumpulan sasaran. Virtual webinar seperti *Low Carbon Campus Convention* (LCCC) dan *Green Talk Series* yang merangkumi perkongsian pelbagai aspek seperti pengurusan bangunan hijau, kreativiti menguruskan bahan terbuang, pengurusan tanaman dan aspek pandangan Islam dalam melestarikan alam sekitar (L3-3c) telah berjaya dilaksanakan. Selain webinar, bengkel juga diadakan dalam usaha mendidik dan memberi kesedaran kepada warga kampus dan komuniti setempat mengamalkan budaya hijau. Antara program yang mendapat galakan dari warga kampus adalah pertandingan e-inovasi 3R. Pelbagai kategori pelanggan dipertandingkan seperti kategori staf, pelajar, anak staf dan ruang pejabat (L3-3d). Melalui proses penyebaran ini, ramai warga kampus telah menjadi **rakan kampus hijau UiTMCP**.

Selain itu, projek khidmat masyarakat dan pemindahan ilmu teknologi bersama komuniti telah dijalankan. Setiap projek ini mendapat sokongan pelbagai geran dan komuniti setempat mendapat manfaat hasil dari penyebaran projek ini. Kepakaran warga UiTMCP juga semakin mendapat perhatian dan menjadi rujukan di peringkat dalaman dan luaran, antaranya menjadi penggubal polisi, auditor, fasilitator dan penceramah dalam pengurusan ruang dan fasiliti serta teknologi hijau (L3-3e).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20221\\_L3-3a Rekod Data Pelanggan Disebarluaskan.pdf](#)

2. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20222\\_L3-3b Penglibatan Pelanggan Dalam Inovasi dan KIK.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20223\\_L3-3c Low Carbon Campus Convention \(LCCC2021\).pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20224\\_L3-3d Pertandingan Projek Hijau - Pelanggan Dalaman dan Luaran.pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20225\\_L3-3e Contoh kepakaran yang dirujuk.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pengurusan fasiliti dan teknologi telah memberikan impak dan manfaat kepada kumpulan sasaran. Pemerikasaan pemantauan PdP yang berteraskan penggunaan fasiliti dan teknologi terkini telah mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Sebanyak 12 program UiTMCP telah mendapat pengiktirafan daripada MBOT sekaligus menjadikan staf lebih berkemahiran dan pelajar akan tamat sebagai '*graduate technologist*'. Staf UiTMCP yang telah dianugerahkan *Profesional Technologist* (Ts.) juga semakin bertambah hasil dari pelaksanaan bidang tumpuan ini (L3-4-1a). UiTMCP terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Pelbagai inisiatif dan inovasi berkaitan pemerikasaan PdP dan penyampaian perkhidmatan telah mendapat pengiktirafan. Antara kejayaan yang diraih adalah Anugerah Akademik Universiti, Anugerah MOOC Terbaik, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Pekerja Contoh, serta Anugerah Inovasi dan KIK (L3-4-1b). Disamping itu, warkah penghargaan diberikan kepada staf bagi menzahirkan penghargaan dan meraikan sumbangan yang signifikan atas manifestasi indikator dicapai dan pemangkin untuk kejayaan yang lebih cemerlang.

Pemantauan berterusan bagi objektif kualiti 8 dan 14 telah memberi impak besar kepada komuniti dan organisasi luar. Pemindahan ilmu dan projek khidmat masyarakat seperti pemasangan solar panel, projek tadahan air hujan, dasar dan garis panduan pengurusan ruang dan fasiliti dapat dimanfaatkan secara berterusan oleh komuniti setempat dan organisasi luar. Peningkatan jalinan kerjasama dengan pelanggan luar ini telah membuka peluang kepada warga kampus UiTMCP untuk menyebarkan kepakaran di peringkat nasional mahupun global (L3-4-1c).

Pemantauan melalui objektif kualiti 14 dalam pembudayaan amalan hijau dan penjimatan tenaga telah berjaya menambahbaik fasiliti dan teknologi untuk kesejahteraan warga kampus. Kepakaran staf yang menerajui Jawatankuasa Kampus Hijau telah meningkatkan reputasi UiTMCP dan telah dinobatkan Anugerah Kampus Lestari Hijau 2021 UiTM berserta 5 Anugerah Hijau dan Anugerah Kejiranan Hijau MDPT 2019 (L3-4-1d). Konsistensi dalam amalan terbaik inisiatif kampus hijau dan pengurusan fasiliti menjadikan UiTMCP sebagai kampus rujukan dan penandaarasan oleh organisasi luar dan kementerian. (L3-4-1e).

Pemantauan terhadap pemerikasaan fasiliti juga ditunjukkan melalui audit fasiliti berkala. Antaranya, audit bengkel kayu yang dijalankan secara berkala oleh penilai dari Jabatan Kimia Negeri Perak. Pemantauan berkala dijalankan adalah bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pengguna bengkel dapat dipantau. Manfaat daripada audit fasiliti ini, bengkel tersebut telah diberikan dana untuk pembelian *dust collector* dan lain-lain fasiliti untuk penambahbaikan dari aspek kesihatan dan keselamatan warga kampus.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_L3-4-1a Pengiktirafan Program MBOT dan Technologist.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_L3-4-1b Anugerah dan Pencapaian Pelanggan.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20223\\_L3-4-1c Penyebarluasan Kepakaran Kepada Pihak Luar.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20224\\_L3-4-1d Anugerah Kampus Lestari Terbaik Keseluruhan.pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20225\\_L3-4-1e Pengiktirafan Pakar Bidang.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dasar Pengurusan Fasilitas UiTM yang terarah kepada penyediaan prasarana yang lestari dan sistem adaptasi teknologi serta automasi terkini adalah selaras dengan fungsi dan peranan Bahagian Infrastruktur UiTM. Ia berperanan untuk menyediakan perkhidmatannya berdasarkan pendekatan *21st Century Teaching and Learning, Education 5.0* dan pematuhan Pelan Tindakan *Open and Distance Learning* Kali Ke-4 (ODL 4.0), memerlukan pengenalpastian dan pemantauan pelbagai risiko yang berterusan bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan PdP di UiTMCP kepada setiap pelanggannya iaitu pelajar dan staf akademik.

Bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengurusan fasiliti dan teknologi terus kekal optimum, pihak pengurusan UiTMCP telah mendaftar setiap aduan berkaitannya kepada Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JKPR). Mitigasi pantas mengatasi masalah capaian internet bagi tujuan PdP dalam talian dilakukan oleh Bahagian Infrastruktur dan Bahagian Pengurusan Fasilitas UiTMCP untuk penambahbaikan capaian internet bagi tujuan PdP (L3-4-2a). **Laporan Pencapaian Pengurusan Aduan Fasilitas UiTM 2021 telah menunjukkan UiTMCP mencapai prestasi cemerlang dengan 100% maklumbalas pelanggan telah diselesaikan** (L3-4-2b). PdP secara bersemuka juga menerima maklumbalas daripada Lawatan Kerja Audit Biochem Laboratories Sdn. Bhd. iaitu Laporan *Chemical Health Risk Assessment*; berkaitan dengan hal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Laporan tersebut telah mendapat perhatian serius pihak UiTMCP dengan menyokong permohonan Peruntukan Tambahan untuk diluluskan di UiTM Shah Alam dengan **peruntukan sebanyak RM 566,200.00 bagi pemasangan welding bay, fan ventilation, dan Industrial Dust Collector di Bengkel Kayu Seni Arca, FSSR** (L3-4-2c) yang berupaya meningkatkan keselamatan dan kesihatan melalui teknologi terkini kepada pelanggannya.

Komitmen pengurusan UiTMCP dengan mendaftarkan setiap aduan pelanggan di bawah Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko yang membawa kepada penilaian dan penambahbaikan berterusan. UiTMCP sentiasa memberikan tumpuan kepada setiap pelanggan dalam menawarkan perkhidmatan fasiliti dan teknologi yang optimum, walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat krisis kesihatan COVID-19. Bagi mengekalkan perkhidmatan yang terbaik, UiTMCP melalui Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Pejabat Polis Bantuan, Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri, Bahagian Info Tech, dan Bahagian Pengurusan Fasilitas; telah merangka Pelan Strategik jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi mengatasi segala masalah yang berlaku dan mencadangkan mitigasi risiko, terutama dalam memberikan perkhidmatan fasiliti dan teknologi yang terbaik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_L3-4-2a Daftar Risiko 2021 UiTM Perak - Kampus Seri Iskandar.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20222\\_L3-4-2b Status Laporan Pencapaian Pengurusan Aduan Fasilitas 2021.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20223\\_L3-4-2c Surat Permohonan Peruntukan Tambahan Hasil Laporan Audit CHRA.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam menambahbaik pengurusan fasiliti dan teknologi, UiTMCP menerima aduan pelanggan melalui sistem e-aduan secara berterusan dan dianalisa secara berkala. Bagi melancarkan proses e-aduan pelanggan, **UiTMCP telah membangunkan sistem dalam talian (e-Monit, e-SURAT, dan Virtual Valley) dan aplikasi (i-MAM, dan AUXI4U)** bagi memacu amalan kampus hijau dalam penyampaian perkhidmatan yang optimum (L3-4-3a).

Kecekapan pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan sentiasa ditambah baik dengan menyebarkan penggunaan sistem dalam talian di peringkat unit dan bahagian. Selain mudah untuk dicapai dan diakses oleh pelanggan, pengurusan rekod juga menjadi lebih sistematik dan pengeluaran log arahan kerja menjadi lebih cekap dan pantas. Selain itu, **maklum balas pelanggan melalui QR code** juga telah mula digunakan sejak tahun 2021 (L3-4-3b).

Keberkesanan pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan dinilai melalui dua kaedah iaitu jumlah aduan yang semakin menurun, dan skor kepuasan hati pelanggan terhadap semua unit dan bahagian secara tahunan. Data ini dibandingkan dengan tahun sebelumnya bagi melihat tren dan menilai keberkesanan bagi memastikan tiada aduan sama berulang. Data ini dibentangkan dalam MKSP secara berkala, 2 kali setahun oleh UKK. UiTMCP juga sentiasa memastikan kaji selidik yang dijalankan melalui borang soal selidik Tahap Kepuasan Pelanggan disemak dari semasa ke semasa agar ia terus kekal relevan dan efektif (L3-4-3c). Pelaksanaan Audit Dalam turut dijalankan setiap tahun untuk menambah baik proses kerja. Selain itu, Laporan Penilaian Kendiri (SRR) juga disediakan oleh setiap fakulti melalui Jawatankuasa Penilaian Kendiri di bawah Unit Pengurusan Kualiti untuk mengenalpasti keperluan setiap pusat pengajian. Keberkesanan PdP staf akademik UiTMCP telah dinilai secara menyeluruh setiap semester melalui *Student Feedback Online* (SuFO), Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) dan *Teaching Evaluation Self-Assessment* (TESA). Laporan SuFO dan *Entrance-Exit Survey* hasil penilaian daripada pelajar turut dianalisis melalui pelaporan CDL-CQI pada setiap akhir semester di bawah Jawatankuasa *Nobles* yang dianggotai oleh wakil setiap program. **Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) turut menjalankan kaji selidik berkenaan pelaksanaan ODL 2 minggu sekali kepada pensyarah dan pelajar sepanjang tempoh kuliah berjalan.** Setiap hasil pelaporan dan maklum balas yang diterima telah dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa terlibat dan seterusnya disebarluaskan ke peringkat berkaitan untuk tindakan penambahbaikan (L3-4-3d).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_L3-4-3a Senarai Platform Bagi Aduan dan Maklum Balas Pelanggan.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20222\\_L3-4-3b Senarai QR Code bagi Maklum Balas Pelanggan UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20223\\_L3-4-3c Maklum Balas Pelanggan Minit Mesyuarat MKSP Kali Ke-31 Bil. 1-2021.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20224\\_L3-4-3d Pelaksanaan Audit Dalam Berterusan.pdf](#)
- 5.



### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCP sentiasa memastikan warga kampus bergerak selaras dengan perkembangan pendidikan agenda *Education 5.0@UiTM*. Selain menitikberatkan penerapan aspek digital dalam PdP, proses penilaian markah pelajar juga menjadi asas kepada inovasi dan integrasi. Aplikasi i-MAM iaitu inovasi penilaian akhir dan proses moderasi markah menggunakan aplikasi *Google Form* telah dihasilkan bagi memastikan kos operasi dijitakan. Inovasi ini berpandukan kriteria pemilihan iaitu piagam polisi, perancangan strategik Teras 1, Akta Kerahsiaan dan Akta Integriti Pensyarah bagi mempercepatkan proses moderasi markah. Selain itu, aplikasi ini juga mematuhi isu keselamatan maklumat penilaian, menaiktaraf ketepatan proses penilaian markah serta moderasi markah secara efisien dan aplikasi ini telah diperluaskan dalam UiTMCP.

Integrasi PdP melalui CGCT merupakan inovasi dalam mengoptimumkan lantikan pensyarah PTFT. CGCT ini telah disertai oleh seluruh UiTM termasuklah UiTMCP. Hasil integrasi dan kolaborasi yang mantap dalam pemeraksanaan PdP, Anugerah META 2021 telah dianugerahkan kepada UiTMCP. CGCT menggunakan kepakaran dan kelebihan UiTMCP dalam pengurusan fasiliti dan teknologi melalui pemeraksanaan digital dan latihan yang disalurkan oleh HiTEL. Selain itu, UiTMCP juga menawarkan program akademik di setiap peringkat pengajian yang berteraskan teknologi seperti Diploma Teknologi Geospasial, Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Pembinaan Bangunan, Sarjana Senibina Hijau dan Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina. Penawaran program berteknologi ini turut menerapkan elemen *Sustainable Development Goals* (SDG) dan diintegrasikan dalam pembangunan kurikulum agar dapat memberi impak dalam PdP sekaligus melahirkan graduan berteknologi tinggi.

Sistem e-SURAT yang diintegrasikan telah digunakan di seluruh sistem UiTMCP dan berjaya mengeluarkan surat pelantikan dengan lebih efisien, boleh diakses dengan mudah, 'zero defect', menyelesaikan masalah seperti tiada notifikasi tamat tempoh atau kesalahan format. Penggunaan e-SURAT ini hanya memerlukan 10 minit proses penyediaan tanpa sebarang kos berbanding tempoh 7 hari secara manual. Inovasi ini telah diintegrasikan dalam sistem UiTM dan telah mendapat kelulusan dari bahagian infostruktur UiTM Shah Alam (L3-5a).

Penobatan UiTMCP sebagai pemenang Kampus Lestari Hijau 2021, adalah kerana UiTMCP sentiasa memastikan objektif kampus hijau dicapai agar semua warga dan komuniti mendapat manfaat bersama. Beberapa inisiatif telah diaplikasikan seperti *Waste Management, Water Management, Energy and Climate Change* menunjukkan UiTMCP sangat komited dengan prakasa Kampus Hijau dan mengintegrasikan dalam proses penyampaian perkhidmatan dan proses PdP (L3-5b). Selain itu, beberapa projek solar melibatkan sekolah, komuniti dan masjid di Perak juga dijalankan seiring dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) dalam mewujudkan masyarakat lestari (L3-5c).

*Recycle Edible Garden* iaitu projek tanaman menggunakan bahan kitar semula telah dibina bersama komuniti pada 2016 di Masjid As-Siddiq Seri Iskandar. Projek ini merangkumi pendekatan kelestarian seperti sistem tuaian air hujan dan penggunaan barangan kitar semula. **Keberkesanan projek ini dapat dilihat sehingga kini dan komuniti di masjid tersebut masih menggunakan fasiliti, teknologi dan bahan tanaman untuk kegunaan bersama** (L3-5d).

Perkongsian ilmu melalui penerbitan buku rujukan seperti *Garis Panduan Pengurusan Ruang, Amalan Baik Pengurusan Ruang*, dasar dan laporan yang berkaitan menjadi wadah melonjak ketampakan UiTMCP dalam pengurusan fasiliti yang berkesan. Selain itu, *e-Book Green Initiative Report* dihasilkan oleh pakar pengurusan kampus hijau dan diintegrasikan melalui laman web UiTMCP. Bahan-bahan rujukan ini telah menjadi rujukan dalam bidang pengurusan fasiliti dan teknologi dan **digunapakai sebagai bahan rujukan yang diintegrasikan di seluruh Malaysia** (L3-5e).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20221\\_L3-5a e-SURAT.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20222\\_L3-5b Projek Kampus Lestari Hijau.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20223\\_L3-5c Program Solar di Sekolah Sekitar Perak.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20224\\_L3-5d Projek Recycle Edible Garden.pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20225\\_L3-5e Bahan rujukan yang diintegrasikan di seluruh Malaysia.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Proses pengurusan analisis dan pengurusan pengetahuan yang dijalankan di UiTMCP adalah berdasarkan analisis projek dan inisiatif Perancangan Strategik dan sasaran sebagai ruang untuk menilai prestasi. Ianya dilaksanakan berpandukan empat peringkat utama iaitu perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*). Penilaian secara terperinci dan berkala sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kompetensi semasa organisasi serta ia mampu memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan, keperluan keseluruhan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik serta tindakan pengurusan pengetahuan yang berkesan. Di UiTMCP, kesemua Petunjuk Prestasi (PI), data, statistik dan maklumat yang digunakan untuk mengukur prestasi secara khusus, memantau operasi serta pencapaian keseluruhan sistem ditentukan dan disemak oleh pihak Pengurusan Eksekutif dengan bantuan ketua di setiap bahagian, fakulti, jabatan dan unit bagi melaksanakan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan. **Melalui Bengkel Perancangan Strategik (BPS) tahunan, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan dua kali setahun, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang diadakan setiap bulan, Pengurusan Eksekutif dan semua PTJ membincangkan proses pencapaian UiTMCP. UiTMCP telah mengambil inisiatif untuk membuat semakan semula perancangan strategik 2016-2020 dengan meneliti penjajaran semula mengikut kesesuaian dan kemampuan semasa UiTMCP bagi tahun 2019-2025 diselarikan dengan Pelan Strategik UiTM 2025.**

**UiTMCP memberi sumbangan kepada komuniti dengan meluaskan penglibatan pakar dan profesional dari UiTMCP bagi meneraju program/projek yang menjurus kepada kelestarian**, kampus hijau yang membantu kepada peningkatan pengurusan fasiliti dan teknologi UiTMCP dan masyarakat setempat. UiTMCP telah mengambil inisiatif yang berterusan bagi kampus hijau dan lestari seterusnya telah berjaya menjadi kampus yang diangkat sebagai salah satu elemen pengukuran prestasi kampus lestari dimana dengan adanya lawatan penandaarasan Kampus Hijau di UiTMCP, menunjukkan UiTMCP diiktiraf oleh pihak luar sebagai pengamal dan pelopor amalan terbaik dalam mencapai status kampus hijau dan kampus lestari. Melalui inisiatif ini, UiTMCP telah mempertingkatkan pencapaian terhadap skor PI i-UiTM berasaskan kepada sasaran yang ditetapkan dan secara tidak langsung membantu mempertingkatkan ketampakan imej UiTMCP sebagai pusat pakar rujuk dengan menganjurkan pelbagai perkongsian ilmu dan perundingan berkaitan teknologi dan kelestarian bersama pihak industri, universiti tempatan dan antarabangsa.

**UiTMCP optimis dalam menjalankan proses memilih, mengumpul, menjajar dan mengintegrasikan data dan maklumat secara kolektif yang dilaksanakan oleh PTJ setiap bahagian dan jabatan supaya mencapai Objektif Kualiti dan seterusnya mengaplikasikan budaya penjimatan dalam pemantauan pengoperasian dan mencapai PI yang ditetapkan oleh UiTMCP.** Melalui pengaplikasian sistem yang diguna pakai, hasil pencapaian UiTMCP telah disebar luas kepada warga kampus, pihak berkepentingan serta menjadi rujukan kepada agensi-agensi lain. Ini dibuktikan melalui lawatan-lawatan penandaarasan yang menjadikan UiTMCP sebagai model kaedah pengurusan yang komprehensif dalam pelbagai peringkat melalui beberapa Memorandum Persefahaman dengan pelbagai pihak. Sehubungan dengan itu, pendekatan ke arah kampus hijau dan lestari kepada warganya dapat menyemarakkan amalan budaya hijau dalam kalangan staf, pelbagai pertandingan dan program inovasi turut dijalankan di dalam kampus bagi meningkatkan kualiti pengurusan kampus yang lebih cekap dan efektif di samping dapat menggalakkan idea dan budaya kerja berkualiti, kreatif dan berinovasi seterusnya memberi impak yang besar kepada pengurusan pengetahuan dari segi pengurusan fasiliti dan teknologi di UiTMCP oleh warganya.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Pengukuran Inisiatif Kampus Hijau RMKe-11 dan usaha memenuhi *Sustainable Development Goals (SDG)* yang relevan** dengan bidang tumpuan menjadi fokus utama UiTMCP untuk memperkasakan penggunaan teknologi hijau. Justeru, 13 program/projek digarapkan mengikut keperluan universiti termasuk program hijau, penyelidikan dan ekosistem hijau, infrastruktur PdP, keselamatan kampus dan penjimatan tenaga (L4-2a). Penggunaan teknologi berfokus kepada 3 sasaran utama iaitu teknologi hijau, teknologi dalam pemerkasaan PdP, dan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan. Projek **ini diterajui Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH) yang dibentuk dibawah kawal selia BPF UiTMCP (L4-2b)**. Program yang dilaksanakan di pelbagai peringkat adalah berteraskan inovasi dan teknologi. **Pelan tindakan dilaksanakan berasaskan inisiatif projek kampus hijau dan OK melibatkan unit BPF, Infostruktur, Polis Bantuan dan JKH (L4-2a)**. Pendekatan ini berupaya memperkukuhkan pelaksanaan perancangan strategik Kampus Hijau dan seterusnya meningkatkan ketampakan UiTMCP

OK yang perlu dicapai oleh BPF adalah memperkasakan pengurusan fasiliti dimana OK tersebut dinilai dari segi penjimatan tenaga elektrik secara tahunan serta tahap JKH yang memastikan kelestarian kampus perlu mencapai OK dari segi pelaksanaan sekurang-kurangnya 2 program amalan kitar semula (3R) dan amalan pengurangan penggunaan kertas/plastik/*polystyrene* dalam kampus secara berkala setiap tahun. Pelaksanaan 2 projek penanaman secara berkala setiap tahun dalam kampus hijau juga dinilai (L4-2c). **Penetapan OK kepada setiap PTJ adalah satu inisiatif yang berimpak tinggi kerana ia adalah inisiatif yang diadaptasi melalui kerangka model kecemerlangan Malcolm Baldrige dimana ia membantu PE menilai kecemerlangan setiap PTJ berdasarkan prestasi pencapaian OK yang diamanahkan.**

Pengukuran yang digunakan bagi menilai tahap penyampaian perkhidmatan terbaik adalah melalui pelaksanaan maklum balas pelanggan daripada warga UiTMCP dan komuniti. Pihak BPF berpandukan kepada Dasar Pengurusan Fasiliti UiTM sentiasa berusaha melaksanakan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh dan berdaya saing selaras dengan *IR 4.0* dan *Education 5.0*. Untuk melaksanakan dasar ini, objektif pengurusan operasi adalah untuk memastikan setiap fasiliti UiTM berada dalam keadaan terurus, berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan secara optimum. Dengan melaksanakan pemantauan berkala dan terancang, serta mengurus fasiliti dan memberi perkhidmatan yang berkualiti melalui perkhidmatan terancang dan kos efektif dalam menyokong misi dan visi UiTM. **Tinjauan terhadap maklum balas pelanggan dilaksanakan melalui Sistem Maklumat Pengurusan Fasiliti (FMS) secara atas talian menerusi Kajian Soal Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap Kemudahan Dan Perkhidmatan PPII UiTM yang turut dihebahkan melalui emel rasmi UiTM kepada seluruh warganya.** Peringkat keutamaan perkhidmatan diukur melalui dua perkara, iaitu Masa Tindak Balas (*Response Time*) dan Masa Tindakan (*Action Time*) (L4-2d).

Seterusnya, setiap jabatan dan bahagian di UiTMCP berperanan dalam memastikan segala tindakan dan usaha mencapai semua inisiatif yang telah digarap oleh barisan kepimpinan UiTMCP. Setiap tindakan adalah diukur melalui pembentangan prestasi tindakan di beberapa peringkat. **Peringkat pertama adalah melalui mesyuarat jabatan sebulan sekali, peringkat seterusnya adalah MKSP yang dilaksanakan setiap 6 bulan. Piagam pelanggan terutamanya bagi BPF dan Infostruktur menjadi kayu pengukur kepada analisa pencapaian dari segi penambahbaikan berterusan berkaitan dengan pengurusan fasiliti dan teknologi (L4-2e)**. Sebagai salah satu strategi memantapkan UiTMCP, PE telah menetapkan KPI pengukuran utama pencapaian ke arah kampus lestari. Ini sejajar dengan bidang tumpuan iaitu pengurusan fasiliti dan teknologi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20221\\_L4-2a 15 PROJEK Inisiatif Kampus Hijau UiTMOC 2021.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20222\\_L4-2b Penubuhan Jawatankuasa Kampus Hijau UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20223\\_L4-2c Objektif Kualiti Kampus Hijau dan Pengurusan Fasiliti .pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20224\\_L4-2d Dasar Pengurusan Fasiliti.pdf](#)
5. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20225\\_L4-2e Piagam Pelanggan BPF dan INFOSTRUKTUR..pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCP melaksanakan pengurusan fasiliti dan teknologi melalui pelbagai mekanisme bagi mendapatkan impak yang konsisten. Bagi mengukur pencapaian terbaik pengurusan fasiliti dan teknologi, data pengukuran adalah melalui pencapaian inisiatif projek hijau dan PI strategik yang mana maklumatnya disalurkan oleh unit BPF dan JKH. Data pencapaian dianalisis melalui pendekatan PDCA. **Hasil penilaian pelaporan pencapaian sasaran PI direkodkan dalam templat BTU. Pelaporan berdasarkan data pencapaian PI sebanyak 4 kali setahun (L4-3a).** Pelaporan pemegang data bagi PI adalah disalurkan oleh pihak BPF dan Penyelaras JKH dan dikategorikan sebagai tercapai atau belum tercapai atau berterusan. Pelaporan prestasi dan pencapaian Skor PI i-UiTM yang lebih khusus beserta langkah intervensi dibentangkan di Mesyuarat JKSN yang diadakan secara berkala setiap suku tahun. Pemantauan berkala Skor PI i-UiTM juga dibincangkan menerusi Mesyuarat JKEN bersama PE.

#### **Pencapaian OK dianalisis berdasarkan adaptasi model kecemerlangan pengurusan kualiti Malcolm Baldrige dengan menggunakan inovasi templat pelaporan MKSP.**

Penemuan analisis pencapaian OK dizahirkan dengan jelas dan berkesan dalam templat tersebut. Penetapan OK setiap PTJ dinilai 2 kali setahun dimana separuh tahun pertama dinilai bagi melihat tahap pencapaian OK. Bagi sasaran OK yang telah tercapai, kepimpinan UiTMCP melihat ia sebagai pencapaian yang boleh dimantapkan dengan penetapan sasaran baharu yang lebih relevan dan terkehadapan. Bagi sasaran OK yang masih belum tercapai, langkah intervensi dibincangkan untuk dilaksanakan oleh PTJ terlibat secara proaktif. Pelaporan pengukuran dibentangkan melalui MKSP secara berkala agar penyebaran maklumat secara berperingkat dan berterusan bagi memastikan setiap maklumat organisasi dipanjangkan ke peringkat fakulti, bahagian, jabatan seterusnya kepada setiap unit dalam organisasi dengan tepat untuk tindakan selanjutnya (L4-3b). Bagi mengukur pelaksanaan serta membuat penambahbaikan perkhidmatan fasiliti dan teknologi UiTMCP melaksanakan analisis aduan dan maklum balas pelanggan, serta dibincangkan dan direkodkan dalam mesyuarat seperti MKSP yang dilaksanakan setiap 6 bulan sekali (L4-3c).

UiTMCP melaksanakan tinjauan maklum balas pelanggan dalam semua aspek, termasuk bidang tumpuan pengurusan fasiliti dan teknologi. Ia dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas pelanggan tentang tahap perkhidmatan sedia ada yang disalurkan dan secara langsung dapat membantu UiTMCP meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan secara berterusan. **Maklum balas tersebut dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti borang soal selidik kepuasan pelanggan, sistem aduan dalam talian iaitu Sistem e-Aduan Fasiliti, serta maklum balas dari media sosial seperti Facebook, Tiktok dan Twitter.** Data maklum balas pelanggan dianalisis menggunakan pendekatan PDCA bagi memastikan aduan diselesaikan. Tindakan juga dipantau untuk melihat keberkesanan tindakan pembedulan.

Pelaksanaan audit dalam terhadap bahagian-bahagian di **UiTMCP bagi mengukur pencapaian pelaksanaan antaranya Audit Dalam Prosedur untuk memantau pelaksanaan pengurusan berdasarkan Standard ISO 9001:2015 (setahun sekali) (L4-3d), Audit Dalam Pematuhan kepada COPIA yang tumpuan kepada Bidang 3 (Talent and Resources) bagi mengukur pelaksanaan serta membuat penambahbaikan pada pengurusan fasiliti dan teknologi yang dilaksanakan setahun sekali (L4-3e).** Audit ruang dan audit fasiliti turut dilaksanakan setiap semester bagi memenuhi keperluan pengurusan. Dalam usaha membantu pengukuran dari segi pencapaian pengurusan fasiliti dan teknologi dalam PdP pula, UiTMCP juga melaksanakan analisis data SuFO dan TESA yang mengandungi kepuasan pelajar dan pensyarah terhadap fasiliti PdP yang disediakan. **Laporan Audit EKSA yang dilaksanakan 2 kali setahun turut digunakan sebagai pengukuran UiTMCP menguruskan fasiliti dan teknologi.**

#### **SENARAI BUKTI :**

- 
1. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20221\\_L4-3a Analisis Pencapaian Skor PI UiTM 2021.pdf](#)
  2. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20222\\_L4-3b Analisis Pencapaian Objektif Kualiti 2021.pdf](#)
  3. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20223\\_L4-3c Minit Mesyuarat MKSP Bil 1\\_2021.pdf](#)
  4. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20224\\_L4-3d Laporan Audit Prosedur 2020 2021.pdf](#)
  5. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20225\\_L4-3e Laporan Audit Pematuhan COPIA 2021.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Warga UiTMCP sangat aktif dalam membantu meningkatkan kualiti serta melaksanakan penambahbaikan dengan mengambil kira akar umbi kepada permasalahan bagi menghalang kelemahan berulang. **Pelaksanaan langkah intervensi bagi melihat PI yang belum dicapai akan dibincangkan dan direkodkan dalam mesyuarat secara berperingkat dimulai dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kampus Hijau (L4-4-1a) dan seterusnya dibincangkan dalam Mesyuarat JKSN. Penetapan PI berkaitan inisiatif kampus hijau dinilai bagi melihat tahap pencapaian PI. Bagi sasaran PI yang telah tercapai, pengurusan UiTMCP melihat ia sebagai satu ruang dan peluang penetapan strategi yang lebih relevan dan terkehadapan** Bagi sasaran PI yang masih belum tercapai, langkah intervensi dicadangkan bagi memastikan sasaran PI dicapai.

Hasil penganalisaan data pencapaian OK dibentangkan dalam MKSP. **Bagi sasaran OK yang telah dicapai, pengurusan UiTMCP menetapkan sasaran baharu yang lebih berdaya maju sesuai dengan kemampuan PTJ.** Hasil pencapaian dalam mesyuarat disebar luas oleh bahagian berkenaan kepada warga jabatan. Bagi OK yang belum tercapai, langkah intervensi proaktif dilaksanakan supaya ia dapat menepati sasaran. **Usaha pemantauan tindakan intervensi berterusan dan berkesan dilaksanakan. Hasil pemantauan ini digunakan untuk mengkaji semula pelan tindakan terhadap OK yang merangkumi pencapaian inisiatif kampus hijau.**

Maklumbalas pelanggan di analisis melalui 2 peringkat iaitu peringkat bahagian yang dibentangkan dalam mesyuarat bahagian dan peringkat UiTMCP yang dibentangkan di MKSP. Analisis aduan pelanggan dikategorikan mengikut SOP Pengendalian Aduan dan Tahap Kepuasan Pelanggan. **Aduan dan maklum balas pelanggan diterima daripada pelanggan melalui saluran kaunter perkhidmatan, sistem e-aduan, media massa dan lain-lain dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat JKEN. Keputusan daripada kajian ini dibentangkan dalam mesyuarat post-mortem yang diadakan setelah selesai dan seterusnya dibentangkan dalam mesyuarat MKSP** (L4-4-1b).

Proses pemantauan dan penambahbaikan PTJ dibuat melalui maklum balas dalam Log Tindakan hasil daripada pemantauan Audit Dalam dan keputusan MKSP. PTJ melaksanakan tindakan penambahbaikan berdasarkan penemuan audit bagi mencapai PI jabatan/bahagian. **Log Tindakan MKSP digunakan sebagai mekanisme untuk merekod segala tindakan yang diambil sama ada berstatus selesai, belum selesai atau berterusan** (L4-4-1c).

Respon tindakan disahkan melalui audit susulan yang dijalankan 2 minggu selepas **Laporan Audit Dalam dibentangkan dalam mesyuarat penutup audit. Segala pelaporan dan hasil analisis disalurkan dan dikongsi kepada semua PTJ berkaitan bagi memastikan tindakan pembetulan berterusan dilaksanakan selepas laporan eksekutif diluluskan.**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_L4-4-1a Minit Mesyuarat Kampus Hijau Bil 1 2021.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_L4-4-1b Platform Aduan \\_ Maklum Balas Pelanggan UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20223\\_L4-4-1c Log Tindakan COPIA dan MKSP.pdf](#)



#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**Pengurusan risiko juga dilaksanakan bagi mengenalpasti jenis risiko, tahap analisis risiko dan mitigasi risiko.** 13 inisiatif Projek Kampus Hijau dan pengurusan fasiliti kampus secara keseluruhan melalui proses pemantauan jenis risiko yang telah dikenal pasti (L4-4-2a). **Risiko dikenalpasti bagi menghindari kemalangan kerana inisiatif kampus hijau mempunyai projek fizikal yang boleh mengundang risiko keselamatan dan kesihatan terhadap fizikal manusia** Peranan ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCP yang bertanggungjawab mengumpul dan mendaftarkan risiko-risiko yang diketengahkan oleh setiap PTJ melalui sistem e-RMS. Seterusnya, risiko tersebut dianalisis berdasarkan kadar impak dan tahap risiko. Keahlian UPR terdiri daripada PE dan ketua PTJ (Pengarah Projek). **Langkah mitigasi program kampus hijau dilaksanakan bagi mencegah tahap risiko ke arah yang lebih memudaratkan** (L4-4-2b). Oleh demikian, pelaksanaan tindakan penambahbaikan adalah hasil daripada tindakan pencegahan dan pengurangan risiko.

**Oleh demikian, penubuhan OSHCo dan JPR bertanggungjawab melaksanakan audit risiko, pemantauan keselamatan, aduan kemalangan dan kesihatan iaitu termasuk fizikal bangunan, infrastruktur, susun atur, pemilihan bahan yang sesuai dan kebersihan.** Segala hasil dapatan akan diserahkan kepada pihak PTJ untuk tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. KUPK akan memantau tindakan susulan yang diambil oleh PTJ berkenaan cadangan yang telah dinyatakan oleh OSHCo.

UiTMCP sentiasa **memastikan risiko terhadap strategik dan operasi daripada setiap jabatan, unit, fakulti dan pejabat akan melalui proses pengurusan risiko yang dimulakan dengan mengenalpasti risiko, menjalankan analisis tahap risiko melalui SWOT analisis dan didaftarkan dalam Daftar Risiko.** Ia signifikan untuk mengukuhkan tindakan pembetulan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengurusan fasiliti dan teknologi ke arah mencapai kelestarian UiTMCP (L4-4-2c). **Tumpuan kepada risiko operasi terutamanya melibatkan kepada kemudahan fasiliti yang disediakan seperti bangunan, aset, penyelenggaraan, sistem utama universiti dan termasuk risiko kepada peralatan PdP.** Risiko melibatkan teknologi, risiko kepada penggunaan aplikasi dan sistem, pengurusan data dan rekod, pembangunan sistem, rangkaian data dan internet, keselamatan sistem dan pengguna, kemudahan telekomunikasi juga menjadi agenda utama dalam **menguruskan risiko dari peringkat jabatan sehingga ke UiTMCP.** Proses ini turut direkodkan dalam Laporan Pengurusan Aduan Fasiliti UiTM (L4-4-2d), dimana UiTMCP telah mencapai 100% aduan disiapkan sepenuhnya (L4-4-2e).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_L4-4-2a\\_Senarai\\_Risiko\\_Melibatkan\\_Kampus\\_Hijau\\_dan\\_Fasiliti.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20222\\_L4-4-2b\\_Laporan\\_Isu\\_dan\\_Intervensi\\_Kampus\\_Hijau.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20223\\_L4-4-2c\\_Senarai\\_daftar\\_risiko\\_2021.pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20224\\_L4-4-2d\\_Laporan\\_Pencapaian\\_Pengurusan\\_Aduan\\_Fasiliti\\_UiTM\\_2021.pdf](#)
5. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20225\\_L4-4-2e\\_Surat\\_Penghargaan\\_PPII\\_BPF\\_UiTMCP\\_2021.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses pembetulan dan tindakan pencegahan bagi setiap dapatan yang dibentangkan oleh PTJ melalui mesyuarat seperti MPD/JAN/ MKSP dan melalui dapatan audit (L4-4-3a). **Tujuan pembentangan dapatan dalam mesyuarat adalah untuk verifikasi tindakan yang perlu diambil agar ia sejajar dengan keperluan pengurusan kualiti. Selain itu, tindakan pembetulan dan pencegahan juga dibincangkan agar penambahbaikan dari segi fasiliti dan kepuasan hati pelanggan dapat dilaksanakan dengan berkesan.** Berdasarkan prosedur tindakan pembetulan melalui MKSP, aduan maklumbalas pelanggan dan laporan analisis risiko dibentangkan dan seterusnya WP mengeluarkan arahan berkaitan tindakan pembetulan sekiranya didapati berlakunya risiko berkaitan. WP boleh memohon Pegawai Penyiasat sekiranya perlu untuk menjalankan siasatan dan menerima serta meneliti cadangan dari PP bagi tindakan pembetulan yang perlu dilaksanakan. Setelah meneliti cadangan yang diutarakan, WP mengarahkan setiap PTJ yang bertanggungjawab untuk **melaksanakan tindakan pembetulan.** PTJ yang bertanggungjawab mengemaskini setiap risiko yang didaftarkan dalam MKSP supaya rekod kualiti melalui laporan aduan maklum balas pelanggan mahupun Laporan Analisis Risiko dapat disimpan untuk rujukan pelbagai pihak berkaitan (L4-4-3b).

UiTMCP sentiasa memastikan sebarang kepatuhan atau kecacatan terhadap sistem pengurusan kualiti tidak akan berlaku. Prosedur tindakan pencegahan diamalkan bagi menghalang ketidakpatuhan ataupun kecacatan yang boleh mengganggu sistem UiTMCP untuk bergerak dengan lancar. Sistem yang dimaksudkan merangkumi komponen manusia, peralatan dan mekanisme kerja UiTMCP. **Peralatan adalah satu elemen sistem yang sangat penting bagi UiTMCP kerana peralatan adalah fasiliti yang menyokong gerak kerja secara langsung mahupun tidak dalam pengurusan pentadbiran, PdP di UiTMCP. Penambahbaikan fasiliti seperti peralatan PdP memberi impak terhadap kepuasan pelanggan iaitu pensyarah dan pelajar dalam menyediakan suasana PdP yang kondusif.** Hasil dari aduan pelanggan yang diterima dari pelbagai mekanisme, PE mengeluarkan arahan untuk tindakan pencegahan yang perlu dilaksanakan dan seterusnya JPR akan mengenalpasti risiko untuk dilaporkan dalam Laporan Tindakan Pencegahan. **Cadangan Pelan Tindakan akan disenaraikan dalam LTP untuk dibentangkan oleh Penyelaras Risiko dalam mesyuarat.** WP akan mengeluarkan arahan kepada PTJ yang berkaitan bagi menjalankan tindakan pencegahan berpandukan prosedur berkaitan. Seterusnya PTJ melaksanakan arahan dan dipantau perkembangannya mengikut langkah pencegahan tindakan yang sewajarnya oleh WP (L4-4-3c).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_L4-4-3a Log Tindakan MKSP.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20222\\_L4-4-3b Prosedur Tindakan Pembetulan PK.UiTM.KPK\(P\)05.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20223\\_L4-3c Minit Mesyuarat MKSP Bil 1\\_2021.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCP telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan apabila memenangi **Anugerah Kampus Lestari UiTM 2021 yang selaras dengan bidang tumpuan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi. Kemenangan anugerah ini adalah hasil inisiatif Projek Kampus Hijau** yang dilaksanakan dilihat sebagai sistem sokongan yang memacu ke arah pencapaian petunjuk prestasi dan **kecemerlangan universiti di peringkat nasional dan global**. Integrasi data digunakan bagi mengenalpasti kebolehpayaan pencapaian projek kampus hijau melalui program **Inovasi 3R (Reuse, Reduce, Recycle) pelaksanaan program water harvesting, pemasangan panel solar, inovasi lampu kitar semula (hiasan taman) serta pemasangan bumbung hijau (Green roof)**. Hasil laporan aplikasi teknologi hijau di UiTMCP diintegrasikan melalui penerbitan **e-Report Kampus Lestari melibatkan 6 kluster iaitu Kluster 1: Settings and Infrastructure, Kluster 2: Waste Management, Kluster 3: Water Management, Kluster 4: Energy & Climate, Kluster 5: Education & Research dan Kluster 6: Transportation (L4-5a)**.

Pada tahun 2021, UiTMCP telah berjaya memenangi **5 anugerah kampus hijau lestari dan berjaya menerbitkan sebuah laporan lengkap berjudul *Green Initiatives Report: Green Movement in UiTM Perak 2020-2021* (L4-5b) yang dijalankan oleh JKH bermula dari tahun 2016 sehingga kini**. Laporan ini mengandungi maklumat secara menyeluruh pelaksanaan amalan hijau kampus dan menjadi sumber maklumat utama serta tanda aras kepada pencapaian dan kejayaan UiTMCP sebagai kampus hijau dan lestari diseluruh sistem UiTM Malaysia. Selain dari itu, melalui inovasi **KIK, AUXI4U** diwujudkan bagi mengendalikan sistem pengurusan aduan dalam talian yang pantas dan mudah.

Integrasi melalui pendekatan inovasi pengurusan fasiliti yang dihasilkan oleh warga UiTMCP seperti e-Monit, e-works, AC-DOOR, dan CARE (L4-5d) memberi impak kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. **Tindakan penambahbaikan tercapai melalui sistem dan teknologi yang menjadi kayu pengukur kepada kejayaan warga dalam membangunkan dan menguruskan fasiliti dan teknologi**. Ia disokong oleh aplikasi portal sistem pengurusan fasiliti yang meliputi laporan e-aduan, e-works, e-bangunan, e-kontrak, e-majlis, e-project, e-ruang, kajian kepuasan pelanggan, MyUiTMPhone, MySPB. Prakasa pemerikasaan PdP melalui inovasi penerbitan ***Malaysian Journal of Sustainable Environment (MySE)* dan *Mathematical Sciences and Informatics Journal (MIJ)*** telah menonjolkan ketampakan UiTMCP di persada global. Penerbitan jurnal menunjukkan kesungguhan warga UiTMCP dalam keserjanaan bidang teknologi.

Keberkesanan pengurusan maklumbalas pelanggan melalui integrasi QR code telah memudahkan semua urusan maklumbalas pelanggan. Inovasi QR code maklum balas pelanggan ini dipamerkan di kaunter perkhidmatan setiap bahagian dan jabatan (L4-5c). Disamping itu, inovasi ***Virtual Valley*** telah dibangunkan oleh bahagian pentadbiran turut menyumbang kepada kejayaan UiTMCP dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Inovasi ***Virtual Valley*** menggabungkan elemen pengurusan sumber manusia dan latihan dalam talian yang menunjukkan pembudayaan pengetahuan teknologi dalam kalangan semua warga UiTMCP. Inovasi e-SURAT membuktikan kecekapan warga UiTMCP mengaplikasikan teknologi dalam pengurusan pejabat seperti urusan pelantikan rasmi di peringkat UiTMCP. **Inovasi ini memberi impak kepada pengurusan teknologi yang cekap dan pantas serta selamat. Urusan surat menyurat yang dibangunkan secara digital ini dapat mengurangkan penggunaan kertas bagi mencapai hasrat UiTMCP sebagai kampus lestari.**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20221\\_L4-5a E-Report Kampus Lestari 2021.pdf](#)

2. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20224\\_L4-5b Laporan Green Initiatives Report \\_ Green Movement in UiTM Perak 2020-2021.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20223\\_L4-5c QR Code Soal Selidik Kepuasan Pelanggan UiTMCP.pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20224\\_L4-5d Inovasi e-Monit.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP menitikberatkan penglibatan keseluruhan warganya dalam menyediakan persekitaran kerja yang kondusif sebagai usaha menjayakan visi, misi dan objektif strategik dan pelan-pelan tindakan UiTM amnya dan UiTMCP khususnya. **Sumber manusia** merupakan komponen terpenting dalam menjayakan aspirasi **Global Renowned University (GRU) 2025** khususnya dalam aspek ketampakan universiti di peringkat global. UiTMCP mengamalkan **nilai kolektif ESI-iDART**. Dalam memastikan **kecemerlangan (excellence)** misalnya, tenaga kerja UiTMCP yang mempunyai **keupayaan, kebolehan dan potensi diri diiktiraf, dirujuk dan dihormati**. Ini dapat dibuktikan dengan kecemerlangan bakat akademia dalam menjadi rujukan terutamanya dalam pengurusan fasiliti dan teknologi. Kumpulan pakar rujuk ini bukan sahaja menjadi rujukan di UiTMCP malahan kepada **UiTM secara keseluruhannya**. Selain itu, mereka turut dirujuk oleh komuniti setempat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan negeri serta kementerian berkaitan. **Perancangan (Plan) terhadap proses tenaga kerja** turut dipetakan kepada Pelan Pelaksanaan Strategik UiTMCP 2020-2025. Tenaga kerja menjadi tunggak kepada kejayaan pencapaian petunjuk prestasi.

**UiTMCP terus kekal konsisten sejak lebih sedekad yang lalu dalam menjayakan usaha terhadap pengurusan fasiliti melalui kecemerlangan bakat tenaga kerja yang menjadi pakar rujuk dan runding** terutamanya dalam pengurusan ruang, perancangan guna tanah serta teknologi hijau. Sinergi diantara Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH) dan tenaga kerja Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) telah banyak memberikan manfaat terutamanya dalam mencapai matlamat penggunaan tenaga yang cekap dan penjimatan kos hasil daripada pengurusan fasiliti dan ruang yang efektif.

**Pelaksanaan (Do) adalah dengan perluasan Kepakaran tenaga kerja kepada semua PTJ dan staf** dalam menjayakan inisiatif-inisiatif ini. Selain itu, Inisiatif kampus hijau misalnya turut **diperluas kepada para pelajar** bagi membudayakan amalan hijau yang bertepatan dengan slogan UiTMCP "*Experiential Learning in A Green Environment*". Kepakaran tenaga kerja UiTMCP dalam **pengurusan teknologi hijau turut dikongsi bersama komuniti setempat** seperti program-program *Knowledge Transfer for Solar Energy (KTP)* yang dijalankan secara konsisten.

UiTMCP mempunyai keupayaan dan kapasiti tenaga kerja yang dinamik. Bagi memastikan kepuasan hati pemegang taruh dan pelanggannya, tenaga kerja UiTMCP terus komited dalam menilai **maklum balas tenaga kerja sebagai langkah pemantauan dan penambahbaikan (Check and Act)**. Pengurusan sumber manusia yang efektif di BPF telah memberikan perkhidmatan yang cekap dan proaktif dalam penyampaian perkhidmatan e-aduan Fasiliti.

**Penubuhan sub entiti akademik Jabatan Alam Bina dan Teknologi** menunjukkan kesungguhan UiTMCP untuk memperkasa teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Penubuhan program-program akademik dalam kluster teknologi telah ditawarkan di UiTMCP yang mana proses PdP menggunakan peralatan serta perisian berteknologi tinggi. Semuanya bertujuan memperkasa graduan UiTMCP serta menyediakan graduan berkemahiran ke arah Revolusi Industri 4.0.

**Bagi tindakan penambahbaikan, pelbagai langkah intervensi dibincangkan di peringkat pengurusan tertinggi dan PTJ.** Inovasi telah dihasilkan sebagai langkah penambahbaikan kepada operasi kerja. Inovasi telah dihasilkan oleh sumber tenaga kerja UiTMCP merangkumi pengurusan fasiliti dan teknologi, pemerikasaan teknologi dalam penyampaian serta PdP. Antaranya adalah seperti e-Monit, AC-DOOR, CARE, Perak *Virtual Valley*, e-Audit EKSA dan *Hub for Innovative Teaching & Learning (HiTEL)* UiTMCP. Inovasi teknologi hijau juga turut dihasilkan seperti penggunaan lampu solar dari bahan terbuang serta inisiatif penjimatan tenaga elektrik. Inovasi-inovasi ini menjadi pemudahcara kepada pengurusan tenaga kerja secara efektif dan berimpak. Ia juga membudayakan sistem kerja yang lestari, mengurangkan

penggunaan kertas serta menjimatkan sumber tenaga manusia.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCP mengekalkan momentum dalam pengurusan sumber manusia yang berdaya saing dan kompeten. Pelbagai **pendekatan yang sistematik** telah diambil oleh pihak pengurusan UiTMCP dalam memastikan pengurusan tenaga kerja yang cekap antaranya melalui **pendekatan *Talent Mapping* dan *Talent Pool***. Pemetaan adalah kepada pengurusan fasiliti dan teknologi di UiTMCP. Kecemerlangan bakat tenaga kerja telah dikenal pasti bagi menerajui bidang mengikut kecenderungan minat dan kepakaran bertepatan dengan hasrat UiTMCP sebagai sebuah kampus lestari menjelang tahun 2025 (L5-2a).

Pendekatan bagi meningkatkan **kompetensi dan produktiviti** tenaga kerja UiTMCP melalui **latihan kursus, ceramah dan bengkel** selaras dengan Model Hala Tuju Strategik UiTMCP yang menekankan orientasi latihan yang intensif bagi mendepani keperluan ***Education 5.0 @UiTM, Sustainable Development Goals*** (SDG) serta Revolusi Perindustrian 4.0 dalam PdP yang memerlukan penggunaan alatan, kelengkapan serta perisian berteknologi tinggi. Latihan ini bukan sahaja dijalankan dalam kalangan pensyarah, malahan juga kepada staf sokongan (L5-2b) yang mengendalikan kelengkapan ini dalam PdP berkaitan ukur, pemantauan serta keselamatan fasiliti. Alatan, kelengkapan serta perisian ini memanfaatkan pelajar-pelajar pasca siswazah khususnya dalam Program *MSc. Green Architecture* dan *PhD in Design and Built Environment*. Selain itu, UiTMCP juga memberikan galakan kepada tenaga kerjanya menghadiri kursus-kursus anjuran organisasi berkaitan yang menjadi medium bagi pungutan jam latihan dalam *Continous Profesional Development (CPD)*. Ia bagi meningkatkan, meluaskan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran serta pembangunan kualiti peribadi tenaga kerja UiTMCP.

UiTMCP juga menggalakkan tenaga kerjanya **berdaftar dengan badan-badan profesional seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)** yang membawa gelaran *Professional Technologists (Ts)* dan *Certified Technician (Tc)*. Tenaga kerja yang berdaftar dengan ***Institution of Geospatial and Remote Sensing Malaysia (IGRSM)*** pula membawa gelaran *Geospatial Technologists (Gs)*, manakala ahli profesional berdaftar di bawah naungan ***Royal Institute of Surveyors Malaysia (RISM)*** dikenali sebagai Surveyor (Sr) (L5-2c). Pendekatan yang digunakan bagi meningkatkan bilangan ahli-ahli profesional ini adalah dengan penyediaan peruntukan pembayaran yuran keahlian tahunan badan-badan profesional. Pendekatan ini adalah sebagai galakan kepada tenaga kerja bagi **meningkatkan tahap kepakaran serta ketampakan** UiTMCP. Ia juga memberikan keyakinan kepada badan-badan luar universiti bagi memberikan **pengiktirafan kepada ahli-ahli profesional ini sebagai pakar rujuk dan runding di pelbagai peringkat organisasi**. Keahlian badan profesional yang berkaitan akan memberikan nilai tambah dalam penilaian kenaikan pangkat. Ia merupakan satu indikator dalam unjuran keperluan staf supaya dapat mencapai sasaran dalam **Objektif Kualiti UiTMCP**.

Penubuhan **sub entiti akademik Jabatan Alam Bina dan Teknologi** UiTMCP juga merupakan salah satu pendekatan dalam membangunkan sumber manusia yang mempunyai nilai tambah bagi memastikan kelestarian program-program akademik yang ditawarkan, meningkatkan kepakaran akademia seterusnya melahirkan graduan yang diiktiraf sebagai *graduate technologist*.

Dalam mengekalkan iklim kerja yang berdaya saing dan proaktif, UiTMCP sentiasa menyediakan peluang dan menyokong **kenaikan pangkat bagi yang berkelayakan**. Email pemakluman berkenaan permohonan kenaikan pangkat dihantar serta diiklankan melalui sistem (Staf Portal) (L5-2d). Permohonan kenaikan pangkat adalah menerusi sistem e-kenaikan pangkat dan MyATP (L5-2e).

Bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan, pengurusan fasiliti dan teknologi, pelbagai inovasi telah dihasilkan oleh tenaga kerja UiTMCP seperti **Perak Virtual Valley** yang menggabungkan elemen pengurusan sumber manusia dan latihan atas talian serta inovasi e-Monit yang menguruskan sumber tenaga kerja BPF dalam pemantauan kerja seperti dalam laporan e-aduan Fasiliti.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20221\\_L5-2a Talent Pool and Talent Mapping.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20222\\_L5-2b Senarai Nama Peserta Kursus.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20223\\_L5-2c Senarai Nama Ahli Profesional dan Ahli Berdaftar Dengan MBOT, RISM, IGRSM.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20224\\_L5-2d Hebahan Permohonan Kenaikan Pangkat \(Email\).pdf](#)
5. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20225\\_L5-2e Contoh Pencapaian Perundingan dalam K2, MyATP.pdf](#)



### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Strategi utama yang digunakan oleh UiTMCP untuk mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dalam agenda pengurusan fasiliti dan teknologi ialah dengan memastikan **libat sama semua pihak di dalam Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH)** iaitu pihak pengurusan, PTJ, staf-staf akademik, staf-staf pelaksana dan pelajar. Jawatankuasa Kampus Hijau terdiri daripada 4 komponen utama yang mewakili pelbagai peringkat iaitu Jawatankuasa Utama, Jawatankuasa Pelaksana, Jawatankuasa Dokumentasi dan Rakan Kampus Hijau (staf setiap bahagian/unit)/Kelab Kampus Lestari (pelajar). Usaha bersepadu Jawatankuasa Kampus Hijau telah disokong oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), 35 ahli jawatankuasa tetap, 15 rakan Kampus Hijau, pelajar-pelajar daripada Kelab Kampus Lestari dan staf daripada pelbagai bahagian/unit yang secara kolektif telah memupuk inisiatif Kampus Hijau di UiTMCP (L5-3a)

**Penganjuran program-program Kampus Hijau secara berterusan** telah menyumbang kepada penyertaan seluruh staf UiTMCP. Pelaksanaan Audit EKSA dilakukan bagi menganalisis ruang dan persekitaran berdasarkan kampus lestari. Selain itu, program-program lain turut diadakan sepanjang tahun 2021 termasuk Anugerah Rakan Kampus Hijau 2021- *Printing Policy*, *Webinar Greenation @ Workplace*, *3R Campaign of Recycling Program for University Waste*, Pertandingan e-Inovasi 3R 2021, *3R Workshop @ Campus* dan siri-siri *Webinar Waste to Wealth* (L5-3b). Pemakluman program tersebut telah dihantar melalui emel kepada seluruh warga kampus secara berkala sebelum program dijalankan.

**Galakan pemindahan ilmu di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa** juga telah menjayakan bidang pengurusan fasiliti dan teknologi. Penglibatan staf-staf UiTMCP dalam program-program pemindahan ilmu berkaitan teknologi hijau adalah sangat signifikan apabila program yang diadakan telah memberi manfaat kepada banyak pihak termasuk pihak industri dan komuniti setempat. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti Bengkel Pemindahan Ilmu Tenaga Solar dan Bengkel Penilaian Kumpulan Bersasar di beberapa sekolah terpilih di Daerah Perak Tengah (L5-3c) dan siri webinar *Low Carbon Campus Convention (LCCC) 2021*(L5-3d).

**Program-program akademik yang berkaitan teknologi** juga telah menyumbang dalam pemindahan ilmu dan kemahiran teknologi, khususnya kepada pelajar. Antara program-program yang berkaitan teknologi adalah *Diploma in Technology Geospatial*, *Diploma in Building*, *Diploma in Building Surveying*, *Bachelor of Building Surveying (Hons)* dan *Bachelor of Science (Hons) Construction Technology*. Selain itu, UiTMCP komited dalam memperkasakan teknologi PdP melalui penggunaan PdP berteknologi seperti *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)*, *Infrared Thermography*, *Geographical Information System (GIS)*, *Global Navigation Positioning System*, dan lain-lain. HiTEL telah memperluaskan pengaplikasian teknologi digital dalam PdP melalui latihan kepada akademia. Penyediaan dan perkongsian PdP tanpa sempadan diperluaskan melalui pembangunan MOOC, serta penyediaan prasarana yang kondusif dan berteknologi seperti *Smart Classroom*.

Kepakaran tenaga kerja dalam pengurusan fasiliti dan teknologi UiTMCP disebarluaskan melalui **penerbitan buku, garis panduan dan laporan**, khususnya yang berkaitan pengurusan fasiliti dan teknologi. Ia dijadikan sebagai bahan rujukan oleh organisasi-organisasi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), IPTA dan IPTS, MERCY, dan PBT di Malaysia. Staf UiTMCP yang dilantik sebagai pakar rujuk diberikan kebenaran untuk menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan bagi membangunkan sesuatu **penerbitan dokumen kerajaan**. Antara sumbangan staf UiTMCP dalam penerbitan dokumen kerajaan adalah termasuk Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan untuk Sektor Pembinaan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Garis Panduan Pengurusan Ruang oleh Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu, JKR Malaysia dan Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Ruang UiTM (L5-3e).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20221\\_L5-3a Jawatankuasa Kampus Hijau UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20222\\_L5-3b UiGM Scoring Table.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20223\\_L5-3c Gambar Bengkel Pemindahan Ilmu Tenaga Solar di SK Seri Iskandar.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20224\\_L5-3d Contoh Webinar LCCC 2021.pdf](#)
5. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20225\\_L5-3e Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Ruang UiTM, JKR.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Petunjuk kepada tahap kepuasan hati sumber manusia terhadap sistem kerja adalah dengan melihat kepada **komitmen dan pencapaian semua PTJ** dalam **pelaporan Audit EKSA UiTMCP**. Pencapaian pada keseluruhan e-Audit EKSA bagi tahun 2019 dan 2021 menunjukkan tren peningkatan terutamanya bagi pencapaian platinum yang telah dicapai oleh 18 bahagian pada tahun 2021 berbanding pada tahun 8 bahagian pada tahun 2019. (L5-4-1a). Pencapaian ini menunjukkan bahawa tenaga kerja UiTMCP bertindak tangkas dan proaktif dalam mendepani aduan-aduan persekitaran kerja yang melibatkan ruang dan fasiliti universiti dengan cara berusaha mencapai pencapaian yang terbaik dalam semua elemen Audit EKSA.

Tahap kepuasan hati tenaga kerja terhadap persekitaran bagi kemudahan infrastruktur dan infostruktur UiTMCP yang diukur melalui *UiTM Happiness Index (UHI) 2021* menunjukkan pencapaian sebanyak 80% (L5-4-1b). Ini menunjukkan bahawa tenaga kerja UiTMCP berpuas hati terhadap prasarana fasiliti infrastruktur dan infostruktur dalam menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan baik.

Bagi inisiatif Kampus Hijau, indikator terhadap kepuasan hati tenaga kerja dapat ditunjukkan dengan pertambahan **penyertaan tenaga kerja UiTMCP dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh JKH**. Antara aktiviti yang paling mendapat sambutan adalah pemerksaan kitar semula 3R, dengan projek kitar untuk amal melibatkan semua warga kerja kampus serta para pelajar (L5-4-1c). Selain itu, penganjuran webinar berkaitan amalan hijau dapat dicapai oleh warga kampus serta organisasi luar samada tempatan dan antarabangsa menjadi wadah kepada **pakar-pakar rujuk** yang merupakan tenaga kerja UiTMCP dalam menyampaikan ilmu berkaitan.

Bagi mengurus aduan fasiliti pelanggan misalnya, tenaga kerja UiTMCP terus komited dalam menyampaikan perkhidmatan dengan pengurusan tenaga kerja yang cekap dan efektif. BPF UiTMCP telah **menyediakan jadual tugas yang efektif** bagi memastikan setiap aduan dalam sistem e-Aduan Fasiliti dapat diberikan maklum balas dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ia juga dipantau melalui inovasi e-Monit yang menggunakan platform dalam talian.

Selain itu, tindakan **melantik person-in-charge** dalam kalangan tenaganya bagi tugas pemantauan terhadap penggunaan tenaga elektrik dapat membantu dalam penjimatan tenaga elektrik. Sebagai kampus yang konsisten dalam amalan hijau lebih sedekad yang lalu, UiTMCP telah mengambil langkah terkehadapan dengan melantik **Pengurus Tenaga Bangunan** (L5-4-1d) yang juga merupakan seorang Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar bagi menggiatkan usaha dalam pengurusan fasiliti dan pengurusan tenaga yang mendasari inisiatif amalan hijau.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_L5-4-1a Pencapaian Audit EKSA Semua Zon \\_Bahagian UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_L5-4-1b Laporan UHI 2021 \(Bahagian Infrastruktur dan Infostruktur\).pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20223\\_L5-4-1c Laporan Aktiviti Kitar Semula 3R.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20224\\_L5-4-1d Pelantikan Pengurus Tenaga Bangunan.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses pengurusan risiko yang sistematik dan berkesan melalui 3 proses utama iaitu mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko.

Antara **risiko sumber manusia yang dikenalpasti** dalam pengurusan tenaga kerja UiTMCP adalah risiko operasi universiti seperti **kekurangan staf berkelayakan dan berpengalaman, ketirisan bakat dan pelan penggantian sumber manusia yang lemah** dan kekurangan pelapis yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan fasiliti dan teknologi hijau. Risiko **waran yang terhad** dan penyampaian perkhidmatan akan penjejaskan penyampaian kepada pelanggan telah juga telah dikenalpasti. Hasrat sebagai universiti terkemuka akan terjejas jika **bilangan pakar rujuk** di UiTMCP tidak dapat ditingkatkan dan menjadi risiko besar dalam kalangan tenaga kerja. Namun begitu, UiTMCP telah menyediakan **pelan tindakan pengurusan risiko operasi** yang telah didaftarkan dalam daftar risiko, serta dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko sebanyak 2 kali setahun (L5-4-2a).

UiTMCP **menilai risiko** melalui dapatan temuduga, laporan-laporan audit, aduan-aduan pelanggan dan lain-lain kaedah bagi mengenalpasti serta menilai risiko daripada pemilik-pemilik risiko. Penilaian impak risiko adalah kepada manusia, reputasi dan imej, kewangan, operasi dan objektif dan tahap risiko diukur samada *extreme*, tinggi, *medium* dan rendah. Sebagai contoh, kekurangan nisbah profesor kepada pensyarah sebanyak 1:25 akan memberikan impak yang tinggi kerana tidak dapat meningkatkan **bilangan pakar rujuk UiTMCP** serta mengurangkan **ketampakan universiti** (L5-4-2b). Risiko lain adalah seperti pandemik COVID-19 telah meyakinkan pelaksanaan kerja-kerja inisiatif kampus hijau kerana ia **memerlukan aktiviti-aktiviti fizikal yang memerlukan keberadaan staf** di kampus (medium). Sistem pengurusan jadual tugasan tenaga kerja yang lemah juga menjadi satu risiko dalam pengurusan fasiliti UiTMCP.

Langkah-langkah mitigasi dipetakan berdasarkan penilaian risiko bagi tindakan pencegahan dan pembetulan yang berkesan. Pengurusan terhadap aduan yang meliputi pelbagai skop kerja menyelenggara, pengurusan kontrak serta pembangunan dan rekabentuk projek melibatkan tenaga kerja yang ramai serta penglibatan sumber manusia *in-house* dan *out-source* sudah tentu memerlukan sistem kerja yang cekap seperti **sistem penjadualan yang sistematik** bagi mengelakkan berlakunya kelewatan maklumbalas serta menjimatkan masa tindakan terhadap aduan pelanggan (L5-4-2c).

Bagi **mengurus risiko** waran yang terhad misalnya, **mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan gunasama kepakaran** dilihat sebagai jalan keluar risiko ini. Kepakaran sumber manusia terutamanya dalam pengurusan fasiliti dan teknologi dapat diatasi dengan **perlantikan perjawatan dalam kalangan profesional berdaftar**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_L5-4-2a Analisa Daftar Risiko UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20222\\_L5-4-2b Laporan Analisa Penilaian dan Pencapaian Objektif Kualiti Bahagian Pentadbiran.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20223\\_L5-4-2c Jadual Tugasan Staf BPF dalam Pemantauan e-aduan.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tumpuan kepada mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dibincangkan dalam MKSP yang dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP, barisan pengurusan eksekutif serta ketua-ketua PTJ dan bahagian. Pembentangan risiko-risiko yang wujud dalam operasi universiti termasuk pengurusan sumber manusia dinilai, dipantau serta ditambahbaik.

Dalam melonjak kompetensi global sebagai universiti terkemuka, **kepakaran akademia UiTMCP dalam pengurusan fasiliti** dapat memberikan impak yang besar dalam organisasi seperti **mengurangkan kos pembinaan ruang baharu serta memberikan peluang penjana pendapatan menerusi guna tanah yang optimum**. Jika dilihat dari sudut pandang yang lebih luas, kepakaran tenaga kerja UiTMCP dalam pengurusan fasiliti ini telah memberikan manfaat di peringkat nasional, kerajaan negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan sebagai pakar rujuk. Bagi memastikan kepakaran bidang dan kecemerlangan bakat ini terus lestari, **Program 2P Booster** dilihat sebagai satu peluang dalam pengurusan sumber manusia yang cemerlang. Dalam program ini para akademia disaran untuk menyambung pengajian di peringkat PhD serta mendapatkan pengiktirafan profesional daripada badan-badan profesional yang relevan. Bagi mengurangkan kebarangkalian dan impak risiko sumber manusia dapat diatasi, **pelan penggantian jawatan** lantikan dengan mencalonkan tenaga kerja berpotensi bagi sesuatu jawatan berdasarkan kecemerlangan bakat, pengalaman dan kebolehan.

Penstrukturan perjawatan seperti **Pengarah Pembangunan Fasiliti dan ICT (L5-4-3a) (Nomenklatur)** adalah hasil daripada **kepakaran UiTMCP dalam membuat perubahan dasar dan polisi pengurusan fasiliti** ke arah pegurusan yang lebih mampan bukan sahaja memberi manfaat kepada UiTMCP malahan digunakan keseluruh sistem UiTM.

Kemudahan peralatan PdP berteknologi tinggi (L5-4-3b) misalnya dapat memastikan kepakaran tenaga kerja UiTMCP diterjemahkan dalam kecemerlangan PdP serta meningkatkan kemahiran dan daya kecekapan tenaga kerjanya. Inovasi PdP melalui *Collaborative Group Collaborative Teaching (CGCT)* (L5-4-3c) telah mengoptimumkan pelantikan *Part-Time Full-Time (PTFT)* dan seterusnya menjimatkan kos operasi.

Bersesuaian dengan tema “**Green Movement in UiTMCP**”, **penganjurkan pelbagai webinar melibatkan industri, perkongsian kepakaran dalaman UiTMCP dalam penyelidikan serta penganjurkan konferensi bertemakan kelestarian dan amalan hijau oleh JKH (L5-4-3d)** dapat memastikan ketampakan UiTMCP sebagai universiti yang terulung serta mewujudkan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_L5-4-3a Direktori Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20222\\_L5-4-3b Senarai Alat dan Peralatan di Bengkel Gunasama.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20223\\_L5-4-3c Pencapaian Collaborative Group Collaborative Teaching.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20224\\_L5-4-3d Green Movement in UiTMCP.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kesediaan warga kerja UiTMCP dalam memanfaatkan prasarana *Information and Communication Technology* (ICT) telah diterjemahkan dengan pelbagai inovasi melalui penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan seperti pengurusan fasiliti dan inisiatif kampus hijau serta diperluaskan dalam pemerkasaan PdP. Terdapat beberapa **inovasi yang dihasilkan bagi mengurus sumber manusia dalam pengurusan fasiliti dan teknologi** seperti e-Monit, CARE, AC-DOOR dan e-Audit EKSA.

Inovasi e-Monit (L5-5a) yang dibangunkan oleh BPF untuk memantau jadual tugas bagi maklumbalas e-Aduan Fasiliti. e-Monit merupakan sistem yang dibangunkan integrasi antara sistem e-Aduan Fasiliti dan *Google Calendar* bertujuan memberi maklumat dan peringatan kepada staf BPF UiTMCP yang bertugas menyelia kerja dan memaklumbalas dalam tempoh satu (1) jam terhadap aduan. Masa respon dapat ditepati dan kerja-kerja pembaikan lebih efisien. Dengan cara ini, maklumbalas pelanggan **dipantau** dan diurus secara sistematik.

Manakala inovasi CARE dan AC-DOOR (L5-5b) pula dibangunkan oleh Bahagian Infostruktur. Inovasi CARE adalah bagi memperkasa pengurusan sumber manusia dalam pelaporan penyelenggaraan fasiliti fizikal serta perisian yang ada di makmal-makmal komputer di UiTMCP. Ia juga merupakan salah satu langkah **pemantauan tenaga kerja** dalam memastikan penyelenggaraan fasiliti dan perisian secara cekap dan efisien. Inovasi AC-DOOR pula digunakan bagi sebagai satu sistem pemudah cara permohonan automasi kebenaran masuk pintu-pintu automatik pada kad staf.

UiTMCP meletakkan sasaran untuk memperoleh pengiktirafan EKSA pada tahun 2022. Bagi menggerakkan juru audit dan ahli jawatankuasa zon bekerjasama merealisasikan dengan aktiviti gotong-royong secara bergilir-gilir menurut jadual Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Bekerja Di Pejabat (BDP) **dan disemak serta diaudit** melalui kriteria yang ditetapkan bagi setiap zon. Pelaksanaan perjumpaan secara maya diikuti audit sendiri oleh ahli jawatankuasa audit zon dan pemarkahan oleh juruaudit induk EKSA setelah laporan bergambar dihantar melalui **Shared Folder; Google Drive**. Inovasi ini dijenamakan sebagai e-Audit EKSA.

Bagi meningkatkan mutu **penyampaian perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia misalnya**, Perak *Virtual Valley* adalah hasil inovasi yang menggabungkan 2 elemen pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia secara maya iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Ia telah diilhamkan ketika negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 bagi menggerakkan jabatan supaya terus berfungsi dengan efisien dalam norma baharu dan melestarikan peranan jabatan yang terlibat. Inovasi *QR code* telah dipamerkan di kaunter-kaunter perkhidmatan bahagian/jabatan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan aduan pelanggan juga dapat memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan melalui teknologi. Dalam **memperkasakan teknologi dalam PdP**, program-program HiTEL (L5-5c) dilaksanakan merangkumi latihan, bimbingan dan pertandingan inovasi teknologi PdP. Selain itu, penganjuran *International Invention, Innovation & Design Exhibition* (INDES) juga turut mempertandingkan inovasi PdP.

UiTMCP terus komited dalam menghargai warga kerjanya. Anugerah Akademik Universiti (AAU) misalnya turut menghargai warga kerja melalui penganugerahan pensyarah cemerlang kategori inovasi PdP, MOOC dan e-pembelajaran yang mana elemen penggunaan teknologi diterapkan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran. Anugerah dan pengiktirafan juga telah diberikan dalam program-program HiTEL serta anugerah-anugerah lain seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Pekerja Contoh Bulanan sebagai penghargaan kepada warga kerja UiTMCP. Anugerah-anugerah ini menunjukkan kesungguhan pengurusan dalam menghargai bakat dan kecemerlangan warganya.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20221\\_L5-5a Inovasi e-Monit.pdf](#)

2. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20222\\_L5-5b Inovasi CARE dan AC-DOOR.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20223\\_L5-5c Pencapaian Program-program HiTEL.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) beroperasi dalam satu ekosistem yang komprehensif, penghayatan kepada budaya kerja cemerlang, berkualiti dan berimpak tinggi kepada semua pemegang taruh universiti. Bagi mendukung agenda transformasi UiTM untuk menjadi **universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan** dalam tempoh lima tahun yang bakal direalisasikan menerusi rangka kerja **Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025)** sebagai kesinambungan daripada pelan strategik terdahulu. Menerusi UiTM2025, universiti akan memberi fokus pada perubahan, perkembangan dan keperluan membabitkan **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)** dan **Pembangunan Lestari (SDG)**. Ia juga selaras agenda nasional membabitkan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)**, sekaligus memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Dalam merangka operasi sistem kerja UiTMCP yang bersistematik, penggunaan model PDCA digunakan. Penggunaan model ini membantu UiTMCP melakarkan Perancangan (*Plan*) melibatkan pemeraksanaan kepemimpinan dan keserakanan dalam memacu Kampus Lestari, (2) Memanusiakan pembangunan fasiliti dan teknologi hijau, dan (3) Memacu teknologi digital. Pembentukan matlamat sasaran dan objektif operasi universiti adalah bersandarkan kepada pensejajaran matlamat **Strategic Execution Model 2025 &@ UiTMCP, Objektif Kualiti UiTMCP, mandat Amanat Naib Canselor UiTM** serta **Amanat Rektor UiTMCP**. Perancangan ini disebar luas kepada semua PTJ dan prosesnya juga melibatkan semua unit dan pusat dalam organisasi universiti. UiTMCP telah menyumbang kepada sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 dalam kapasiti sediaada.

Proses Pelaksanaan (*Do*) adalah dengan membuat penambahbaikan mengikut perancangan serta memastikan ketetapan objektif pengoperasian universiti tercapai. Pelaksanaan proses kerja merangkumi kepatuhan kepada pelaksanaan **sistem kualiti kerja, kawalan kos** serta **pengurusan risiko**. Bagi memastikan objektif dan sasaran tercapai, penekanan kepada operasi universiti melibatkan tujahan hasil dalam **pendidikan berkualiti, pemeraksanaan kepemimpinan akademik, pemindahan ilmu, inisiatif kampus hijau, pembangunan fasiliti dan teknologi serta ketampakan universiti**.

Proses Pemantauan (*Check*) dalam pengoperasian UiTMCP dapat dilihat dengan sistem semak dan imbang melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)**. Setiap ketua pusat dan unit perlu melaporkan pencapaian PI universiti. Kemajuan pencapaian PI oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dilaporkan dalam mesyuarat setiap enam bulan, seterusnya perkembangan hasil pencapaian akan dipantau oleh Barisan Pengurusan Eksekutif. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam memastikan pencapaian kepada pendidikan berkualiti, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJI&MA) memberikan penarafan penyelidikan serta ketampakan universiti manakala Jawatankuasa Kampus Hijau bertanggungjawab bagi memastikan inisiatif kampus hijau berjaya dicapai.

Proses Tindakan (*Act*) dalam pengoperasian UiTMCP adalah dengan meletakkan penandaarasan prestasi sebelum dan selepas pencapaian hasil sebagai langkah persediaan dan ruang penambahbaikan. Tindakan pengoperasian boleh diambil daripada intipati pembelajaran dan kewujudan risiko yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP. PTJ perlu mengambil tindakan mitigasi hasil daripada pelaporan risiko bagi memastikan kelestarian sistem operasi dan budaya kecemerlangan barisan kepemimpinan UiTMCP dapat diteruskan. Kesimpulannya, setiap daripada komponen dalam tadbir urus UiTMCP merangkumi ketua-ketua PTJ, bahagian dan unit telah menunjukkan komitmen kepemimpinan yang cemerlang bersama-sama dengan barisan pengurusan tertinggi universiti bagi memastikan semua PI dan objektif kualiti dicapai ke tahap tertinggi.





## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam membangunkan UiTMCP secara **sistematik dan untuk memenuhi keperluan pencapaian SDG**, terjemahan agenda utama dalam memperkukuhkan UiTMCP ditekankan melalui objektif Strategik iaitu pembangunan fizikal dan ICT serta pengurusan fasiliti berasaskan konsep Kampus Hijau. **Pembangunan bengkel kerjasama FSPU dan FSSR** merupakan satu inisiatif barisan kepimpinan UiTMCP dalam mengoptimumkan penggunaan ruang dan fasiliti disamping menyuntik elemen kelestarian kampus hijau dengan menerapkan konsep bengkel gunasama mesra pengguna (L6-2a). Dalam mewujudkan keharmonian keselamatan dalam kampus, UiTMCP mewujudkan **kawalan keselamatan menerusi konsep Kampus Selamat** melalui pendigitalan terhadap pengurusan aduan **AUXI4U**. Kesiapsiagaan staf UiTMCP merealisasikan matlamat pengurusan fasiliti berkaitan *response and action time* dirangka secara efisien terhadap aduan disampaikan dengan menerapkan penggunaan teknologi baru dikalangan staf.

Pemeriksaan teknologi PdP yang lebih efisien bagi mendukung IR 4.0 dicapai melalui penggunaan peralatan PdP berteknologi seperti *drone* dan Infrared Thermography, penyediaan ruang kondusif seperti *smart classroom*, pembangunan **MOOC** dan penggunaan teknologi **i-MAM** dalam penilaian akhir digunakan secara menyeluruh di UiTMCP (L6-2b). Bagi meningkatkan kepakaran warga, pelbagai inisiatif seperti penyediaan peruntukan untuk latihan, pelaksanaan bengkel serta penubuhan HiTEL menjadi wadah memperkasakan penggunaan teknologi PdP melalui latihan kepada akademia. Pemeriksaan teknologi dalam PdP juga ditunjukkan melalui penyertaan *Collaborative Group Collaborative Teaching* (CGCT) yang membantu penjimatan operasi universiti. (L6-2c).

Pendekatan melalui pemindahan ilmu akademia UiTMCP direalisasikan melalui geran penyelidikan dan inovasi dalaman, nasional dan antarabangsa. Natiujahnya, ia mewujudkan perkongsian pintar kepada industri, agensi dan komuniti. Ini dibuktikan melalui program pemindahan ilmu dan kepakaran teknologi menerusi inisiatif **Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM 2.0** memfokuskan kepada penjenamaan Pulau Tuba(L6-2d). Selain itu, pemindahan ilmu di peringkat **antarabangsa** telah direalisasikan melalui **Asia International Conference Art and Design (AICAD)**(L6-2e). Konferensi ini mendapat pelbagai pengiktirafan universiti-universiti luar dan telah membuka ruang luas bagi memantapkan kredibiliti dan ketampakan akademia UiTMCP. Kepada agensi luar, pemindahan ilmu direalisasikan melalui projek rundingan pengurusan sisa elektronik dan pepejal. Kepada komuniti, pemindahan ilmu dan program khidmat masyarakat berkaitan infrastruktur disebarluas dengan **perkongsian penghasilan tenaga solar** di sekolah, masjid dan taman perumahan.

Pendekatan UiTMCP melestarikan amalan hijau memfokuskan pengurusan fasiliti dan ICT melalui aplikasi teknologi hijau di kampus seperti penggunaan sistem *Cistern Water Saver*, *Rain Harvesting System*, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan, sistem "*water drip*" untuk fertigasi, penggunaan mentol LED di pelbagai lokasi, **pelaksanaan bangunan pintar** dengan pemasangan **human motion sensor**, pemasangan **2 hub pengecas solar** di kawasan landskap perpustakaan, pemasangan bumbung hijau di Annex 3 dan penggunaan *skylight* di Pusat Islam. Elemen Bangunan Hijau diterapkan di Bengkel Gunasama FSPU dan FSSR melalui penyediaan elemen pengudaraan semula jadi, pencahayaan semula jadi, integrasi sistem penuaian air hujan untuk tandas, sensor gerakan manusia untuk pencahayaan dan lampu jalan solar di sekeliling bangunan. **Inisiatif kitar semula air** telah diaplikasi untuk sistem pemercik padang bola sepak dan padang jagung. Sebanyak 157 unit penghawa dingin menggunakan "**inverter system**" yang lebih cekap tenaga telah dipasang untuk penjimatan tenaga elektrik. **Inisiatif mengintegrasikan elemen hijau dalam pembinaan bangunan** dalam pengurusan tenaga yang mampan seperti memaksimumkan penggunaan **pencahayaan siang semula jadi** di Bengkel Gunasama dan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTMCP Kampus Tapah.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20221\\_L6-2a Bengkel Gunasama FSPU dan FSSR.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20222\\_L6-2b Pembangunan MOOC.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20223\\_L6-2c Collaborative Group Collaborative Teaching \(CGCT\).pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20224\\_L6-2d Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM 2.0 di Pulau Tuba.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20225\\_L6-2e Asia International Conference Art and Design \(AICAD\).pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

**Pengoperasian UiTMCP adalah berasaskan Perancangan Strategik UiTM 2025.** UiTMCP melaksanakan perancangan strategik sebagai mekanisme utama bagi **memacu dan memperkukuhkan pemerksaan fasiliti dan teknologi** dalam merealisasikan **kecemerlangan universiti dari aspek pendidikan berkualiti, kompetensi dan kecemerlangan global dan nilai (ESI-iDART)** (L6-3a). Ia adalah seiring dengan **Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025)** (L6-3b).

#### Penyampaian perkhidmatan

Dalam melancarkan penyampaian perkhidmatan aspek pendigitalan diperluaskan keseluruhan sistem bagi merealisasikan hasrat UiTMCP seperti sistem moderasi markah secara bersepadu **i-MAM** telah memenangi penarafan emas dalam KIK 2021, manakala **sistem rekod aduan secara atas talian (AUXI4U)** yang berteraskan ketuntasan dan keberkesanan (L6-3c). Warga UiTM hanya perlu menyaring kod yang tersedia untuk membuat sebarang aduan. Sistem ini selari dengan perkembangan teknologi *trend QR code* yang melonjak sejak tahun 2019 sehingga kini. Ini membuktikan kesiapsiagaan UiTMCP dalam memastikan keanjalan staf terhadap penggunaan teknologi terkini. Selain itu, bagi memudahkan sistem operasi dan proses kerja, UiTMCP giat menghasilkan inovasi seperti sistem e-SURAT dan e-Monit. Sistem-sistem ini berperanan menggantikan kaedah manual kepada teknologi seiring dengan **Pelan Strategik UiTM 2025** iaitu **Revolusi Industri 4.0** (L6-3d).

#### Pakar rujuk pengurusan fasiliti

Kepakaran warga UiTMCP dalam fasiliti telah diiktiraf oleh pihak UiTM dan agensi luar dengan menjadikan pakar dari UiTMCP sebagai rujukan dalam penghasilan buku **Amalan Baik Pengurusan ruang** peringkat (IPTA), pembuat **Dasar Pengurusan Ruang UiTM, Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Ruang UiTM, Pakar Rujuk Tenaga Pengajar Bidang Pengurusan Fasiliti dan Berkaitan, Audit Ruang Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan (PBP) USM** dan diangkat sebagai ketua dalam kerja-kerja **Audit Ruang Akademik & Kolej di UiTM Shah Alam**.

#### Pemindahan Ilmu

Fokus UiTMCP dalam merangka proses untuk mencapai kampus lestari melalui penyelidikan dan pemindahan ilmu yang dilaksanakan di UiTMCP terhadap komuniti setempat. Beberapa kejayaan diperolehi melalui geran dan khidmat masyarakat telah disumbangkan seperti **Program Knowledge and Technology Transfer for Solar Lighting Application** di beberapa kawasan berikut: - SK Chopin, Parit; SK Seri Iskandar; SK Pasir Kubu, Kg Gajah; Perumahan Puncak Iskandar dengan kerjasama Majlis Daerah Perak Tengah. Selain itu program khidmat masyarakat secara profesional di antara MERCY Malaysia dan UiTMCP dalam menjayakan projek **Hand Washing Kiosk** (L6-3e).

#### Inisiatif Kampus Hijau

UiTMCP telah melantik Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH) dan menubuhkan rakan kampus hijau bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 dan mencapai matlamat **Pembangunan Lestari (SDG)**. Pembudayaan kampus hijau di UiTMCP merupakan salah satu keutamaan yang disemai dalam usaha mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. JKH berperanan menjalankan penandaarasan di industri untuk digunakan dalam pembangunan fasiliti hijau di UiTMCP selain menyebarkan kepakaran dan kemahiran kampus hijau kepada institusi dan komuniti.

#### Ketampakan Universiti

Ketampakan UiTMCP semakin dikenali melalui kerjasama dalam pelbagai aspek seperti

ketembatan staf akademik sebagai **penggabai pent** bagi pelaksanaan inisiatif hijau di **peringkat nasional**. Bakat kepemimpinan yang tinggi diperlihatkan oleh staf akademik UiTMCP dalam usaha melestarikan kampus hijau sehingga berjaya memperolehi **geran penyelidikan di peringkat nasional** seperti Dana Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor dan Geran Perundingan “**Contract Research**” MBI. Dari aspek PdP, perluasan penawaran program akademik berteraskan teknologi berjaya mendapatkan pengiktirafan akreditasi MBOT di fakulti KPSK, FSPU dan FSKM ditawarkan di UiTMCP bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan teknologi terkini.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20221\\_L6-3a Nilai ESI-IDART.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20222\\_L6-3b Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20223\\_L6-3c Sistem AUXI4U.pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20224\\_L6-3d Revolusi Industri 4.0.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20225\\_L6-3e Hand Washing Kiosk MERCY - UiTMCP.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan terhadap pelaksanaan operasi universiti adalah melalui pelaporan dalam mesyuarat-mesyuarat berkaitan operasi dan pelan strategik UiTMCP. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP, dihadiri oleh pengurusan kanan universiti serta ketua-ketua PTJ sebagai ahli mesyuarat. Pencapaian KPI, PI, isu berbangkit, agenda berkaitan serta pengurusan risiko dibentangkan dalam mesyuarat ini bagi mengenal pasti tindakan yang perlu bagi mencapai matlamat serta menyelesaikan isu-isu berbangkit. Pelaporan kepada aspek pembelajaran telah dibahagikan kepada 3 iaitu **Pemantauan, Kenal Pasti Risiko** serta **Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan**.

Bagi tujuan pemantauan terhadap pelaksanaan operasi UiTMCP, mesyuarat berkala seperti **MKSP KE-32 BIL. 2/2021** dijalankan bagi pembentangan hasil pelaporan bertujuan tindakan kenal pasti risiko dan keperluan mengkaji semula serta penambahbaikan. Selain itu, pemantauan kawalan kos dan sistem kualiti operasi kerja juga dititikberatkan dengan sandaran kepada kepatuhan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), menggunakan **lawatan audit** yang dijalankan oleh jawatankuasa serta aduan fasiliti yang dibuat melalui sistem e-aduan. Bagi melestarikan aduan yang dibuat, bahagian fasiliti melakukan pemantauan secara berkala dengan penggunaan e-Monit (L6-4-1a). Manakala pemantauan terhadap **aduan kepuasan pelanggan** dilakukan dengan penghasilan *QR code* soal selidik pelanggan di setiap PTJ (L6-4-1b).

Dalam melestarikan perkhidmatan terhadap pelanggan (pelajar) dan kualiti pengajaran dan pembelajaran terutama tumpuan kepada fasiliti, pemantauan dilaksanakan berdasarkan laporan yang dilakukan melalui *Student Feedback Online (SuFO)* (L6-4-1c) dan pelaporan *entrance & exit survey* yang dianalisa melalui Mesyuarat CDL-CQI pada setiap semester. Selain itu, bagi mengimbangi penggunaan ruang dalam kampus, pemantauan melalui Audit EKSA dilakukan bagi melihat kepada keperluan dalam mewujudkan ruang yang bersistematik dan selesa kepada pelanggan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_L6-4-1a Sistem pengurusan masa e-Monit.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_L6-4-1b QR code Aduan Kepuasan Pelanggan.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20223\\_L6-4-1c Student Feedback Online \(SuFO\).pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### Pengurusan Risiko

UiTMCP menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mengendalikan risiko secara sistematik dan berkesan. Jawatankuasa ini mengenal pasti, menilai dan menganalisis risiko. Penilaian impak risiko dilaksanakan berdasarkan daftar risiko UiTMCP. Pendaftaran risiko boleh dibuat oleh ketua-ketua pusat dan unit yang bertindak sebagai **pemilik risiko** (L6-4-2a). Daftar risiko dapat dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu risiko **strategik, kewangan, perundangan, reputasi, operasi** dan **projek utama**. Bagi pengurusan risiko operasi ia adalah melibatkan semua proses kerja bagi **mencapai objektif** organisasi seperti **keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain**. Pada tahun 2019 hingga 2021 kebanyakan risiko yang didaftarkan adalah berkaitan dengan pematuhan kepada **Standard Operation Procedure (SOP)** yang berkuatkuasa berikutan penyebaran wabak COVID-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia (L6-4-2b).

Terdapat **9 daftar risiko berkaitan operasi** telah dilaporkan sepanjang tahun 2021. Kesemua risiko ini dinilai tahap risiko sebagai rendah, sederhana, tinggi dan ekstrim (L6-4-2c). Daftar risiko berkaitan pengurusan fasiliti dan teknologi adalah melibatkan perkara pinjaman buku, capaian internet, penghawa dingin, jalan ke hub Usahawanan, kerosakan pagar, jangkitan COVID-19, pokok yang membahayakan pengguna laluan, masalah kesihatan pensyarah ketika odl dan fasiliti permukaan jalan yang licin. Pengurusan risiko bagi perkara disebut dikawal menerusi Daftar Risiko Pusat Tanggungjawab UiTMCP. Dengan daftar risiko, faktor-faktor risiko, punca, impak dan kaedah kawalan dapat direkod dan diurus dengan sistematik. Penilaian risiko dilakukan secara berterusan melalui platform mesyuarat pengurusan risiko UiTMCP yang diadakan dua kali setahun.

Pengurusan risiko operasi menitikberatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Dalam konteks ini, pengurusan fasiliti memfokuskan kepada penyediaan ruang PdP yang mencukupi dan kondusif. Pemantauan secara berkala dan konsisten dilaksanakan bagi memastikan peralatan dan fasiliti berada dalam keadaan sedia untuk digunakan. Risiko pengoperasian PdP akan didaftarkan kepada Unit Pengurusan Risiko UiTMCP sekiranya terdapat sebarang risiko.

Dalam pengurusan risiko operasi inisiatif kampus hijau, kebolehdayaan laksana 13 program/projek dianalisis. Ini untuk memastikan program/projek dapat direalisasikan dan berimpak tinggi serta terhindar dari risiko yang boleh menyebabkan kemalangan kerana **inisiatif kampus hijau ini turut melibatkan projek-projek fizikal (risiko operasi) yang berkemungkinan mengundang risiko ke atas fizikal manusia**. Selain itu, analisis risiko kewangan dan perundangan juga dikenal pasti dalam pelaksanaan inisiatif kampus hijau.

### SENARAI BUKTI :

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_L6-4-2a Minit mesyuarat pemilik risiko.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_L6-4-2b SOP COVID-19.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_L6-4-2c Tahap daftar risiko.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP proaktif dalam usaha menambahbaik sistem kerja secara menyeluruh dan berterusan. Usaha penambahbaikan dibuat oleh ketua PTJ dan unit bagi memastikan sistem kerja dan operasi yang lestari dan mapan.

Pembangunan sistem pengumpulan data untuk mendapatkan informasi penglibatan inovasi staf dan pensyarah dalam dan luar negeri bagi memudahkan pihak PJIMA mengurus tadbir sistem pengkalan datanya. Ianya rentetan daripada permasalahan dalam mengenal pasti senarai pensyarah dan staf yang terlibat dengan inovasi samada menggunakan dana persendirian atau dari pihak universiti.

Kepimpinan UiTMCP telah memberi tumpuan kepada sistem pengurusan proses yang lebih efektif melalui pemantapan matlamat strategik utama. Setiap matlamat strategik utama ini diukur dengan pencapaian Objektif Kualiti tahunan. Pemerkasaan tumpuan operasi UiTMCP 2021 adalah berlandaskan kepada pencapaian kualiti kerja yang efektif. Kemudahsampaian meluas turut memantapkan sebaran dan pemurnian terhadap komunikasi kerja. Setiap penambahbaikan proses kerja telah dilaporkan dalam MKSP dengan pernyataan semakan semula prosedur operasi, pekeliling, mesyuarat, memo, laman web, buku panduan dan kursus-kursus berkaitan dengan perubahan operasi (L6-4-3a). Selain daripada itu, kecemerlangan bahagian pengurusan fasiliti dan teknologi diserlahkan dalam **Amanat Rektor 2021 melalui pemetaan *Strategic Action Plan 2021*** kepada PI 2022 merujuk kepada *Water conservation program and implementation* (PI105), *Recycling program for university's waste* (PI107) dan *Program to reduce the use of paper and plastic on campus* (PI108) merangkumi 6 projek utama iaitu (1) *Remarkable Physical Infrastructure*, (2) *Green and Sustainable Campus*, (3) *Digital & Smart Campus*, (4) *Zero Crime*, (5) *Eco Cube House*, dan (6) *Outdoor Student E-Centre* (L6-4-3b).

Inisiatif Kampus Hijau adalah buah fikiran kepimpinan UiTMCP yang telah berjaya melibatkan ramai dikalangan akademia dalam program ini. Usaha ini jelas memaparkan kepakaran dan pengalaman para akademia telah digunakan dalam setiap aktiviti pemerkasaan amalan budaya hijau (L6-4-3c).

Tahun 2021 memperlihatkan UiTMCP antara **pencapaian skor tertinggi dalam Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti (i-UiTM)** dengan **penarafan 6 bintang**. Ini menunjukkan bahawa para pemilik KPI dan PI telah berusaha keras bagi mencapai matlamat dan objektif selari dengan kehendak strategik UiTM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_L6-4-3a Minit Mesyuarat MKSP Bil 1 2021.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20222\\_L6-4-3b Amanat Rektor 2021-2022.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20223\\_L6-4-3c Projek Akademia berkaitan Kampus Hijau.pdf](#)
- 4.
- 5.



## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan warga UiTMCP tahun 2021 ditonjolkan dengan pelbagai lakaran kejayaan membabitkan penambahbaikan berterusan hasil kerja serta mewujudkan inovasi-inovasi seiring dengan keperluan semasa bagi memacu UiTMCP terus ke hadapan.

Dalam pemeraksanaan teknologi PdP, inovasi moderasi pemarkahan akhir studio **i-MAM** telah digunapakai oleh Jabatan Seni Halus yang telah mendapat pengiktirafan dari **Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM** (L6-5a). Selain itu, bagi memperkasakan ilmu pengetahuan dalam kalangan staf akademik, inovasi *Collaborative Group Collaborative Teaching (CGCT)* telah dipraktikkan. Selain mempertingkatkan ilmu pengetahuan, inovasi ini juga berjaya mengoptimumkan pelantikan PTFT dan menjimatkan kos operasi. Inovasi ini telah membolehkan UiTMCP memperolehi anugerah **Penggunaan Bajet Efisyen Lantikan Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa PTFT dan Separuh Masa** (L6-5b).

Dalam memacu pengoperasian yang cekap di UiTMCP, inovasi **Virtual Valley Flagship Project** digunapakai dimana merupakan sebuah platform menggabungkan 2 elemen operasi pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia dalam talian iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Projek ini telah berjaya menjadi **Juara Kategori Workplace of the Year** yang diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh *Time Higher Education*. Selain itu, penghasilan **Inovasi sistem e-SURAT** berperanan memudahkan lantikan dibuat bagi setiap program, aktiviti dan sebagainya untuk menggantikan kaedah manual demi kelestarian operasi dan pengurusan universiti. Inovasi ini mendapat pengiktirafan dalam pertandingan OE UiTM dan digunakan secara meluas dalam pentadbiran UiTMCP. Sistem ini menarik minat beberapa kampus yang menjadikan Unit Pengurusan Kualiti sebagai penanda aras. Bagi menjawab kepada arahan maklum balas dalam masa satu jam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), inovasi e-Monit telah dibangunkan dengan penggunaan *Google Calendar* untuk pengurusan jadual staf yang sistematik. Ia dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti bagi memantau operasi terhadap aduan yang dilaporkan dalam e-Aduan fasiliti. Sistem ini telah diimplementasikan dan daripada data-data yang tersedia menunjukkan ia adalah amalan terbaik untuk melancarkan susun atur jadual kerja.

**Inovasi AUXI4U** oleh Polis Bantuan UiTMCP dibangunkan untuk pengurusan aduan lebih pantas dan berkesan. Inovasi ini mendapat pengiktirafan dalam pertandingan KIK UiTM dan telah diimplementasikan penggunaannya di Pejabat Polis Bantuan. Projek ini mudah diakses dan digunakan melalui aplikasi telefon pintar. Dalam memantapkan keselamatan fasiliti Infrastruktur & Infostruktur **inovasi CARE** dan **AC-DOOR** telah dibangunkan. Inovasi CARE merupakan sebuah sistem pelaporan bagi kerja penyelenggaraan fasiliti secara fizikal serta perisian di makmal komputer. Manakala AC-DOOR pula berkaitan dengan sistem pemudah cara permohonan automasi kebenaran memasuki pintu-pintu automatik dengan menggunakan kad staf(L6-5c). Inovasi ini membolehkan informasi diperolehi secara cepat dan membolehkan penyelesaian masalah dapat dilakukan dengan pantas. Kebenaran memasuki pintu automatik dengan kad staf membolehkan kawalan terhadap aset-aset dapat diselia dengan baik.

Inovasi **Inisiatif Kampus Hijau** di UiTMCP sangat signifikan dalam melestarikan tenaga hijau sejajar dengan hasrat SDG. Antara inovasi yang dilakukan oleh bahagian fasiliti dalam menyahut saranan rektor mengoptimumkan penjimatan kos elektrik dan bahan ialah dengan penghasilan inovasi **lampu solar hiasan taman kitar semula** yang sangat efektif dan terbukti menjimatkan telah digunakan di seluruh kampus (L6-5d). Rentetan dari inisiatif kampus hijau yang berterusan, pada tahun 2021, UiTMCP telah dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan sempena Festival Kelestarian Kampus Hijau 2021 (L6-5e).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20221\\_L6-5a Surat pengiktirafan Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM bagi Projek i-MAM.pdf](#)

2. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20222\\_L6-5b Standar of COOL project\\_Anugerah MIT L6-5b.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20223\\_L6-5c Inovasi CARE dan AC-DOOR.pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20224\\_L6-5d Lampu Solar Taman.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20225\\_L6-5e Sijil Anugerah Kampus Lestari Hijau \(Pemenang Keseluruhan\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **Hasil Perancangan Strategik Melonjak UiTM Cawangan Perak Ke Arah Jenama Global**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) diperoleh daripada Objektif Kualiti dan Perancangan Strategik. Ia telah dirangka seiring dengan Perancangan Strategik UiTM. Melalui 'inisiatif Kampus Lestari' yang diilhamkan sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) menjadikan UiTMCP menumpukan bidang pengurusan fasiliti dan teknologi. Kecemerlangan dalam pengurusan fasiliti dan teknologi diterjemahkan kepada 3 fokus utama iaitu (1) **Keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kemampanan pengurusan fasiliti dan teknologi hijau**, (2) **Pembudayaan inovasi membentuk kecemerlangan warga kampus menerajui perkembangan teknologi terkehadapan** dan (3) **Pengiktirafan pembangunan fasiliti dan teknologi dalam kecemerlangan budaya kerja**. Bagi memastikan objektif perancangan strategik ini tercapai, pelbagai usaha yang melibatkan seluruh warga UiTMCP telah dilaksanakan dan kejayaan direkodkan.

Dengan menggunakan pendekatan yang berasaskan kepada **pendekatan PDCA** iaitu Plan (Perancangan), Do (Pelaksanaan), Check (Pemantauan), Act (Tindakan Penambahbaikan) terhadap perancangan strategik UiTMCP, hasil pencapaian dizahirkan pada bab ini. Keempat-empat peringkat tersebut dilaksanakan secara tersusun dan bersimbiotik antara satu dengan yang lain serta bersistematik bagi menghasilkan output yang terbaik seperti yang dihasratkan. Secara ringkasnya, peringkat pertama iaitu **perancangan, dilaksanakan melalui pendekatan top-down dan bottom-up serta libat sama Pengurusan Eksekutif bersama Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP)** dalam merangka dan membangunkan Pelan Tindakan Strategik bersama inisiatif/program/projek lain sebagai sokongan. Peringkat kedua adalah pelaksanaan terhadap SAP yang melibatkan 2 kategori pelaksana iaitu **pelaksanaan SAP oleh Pejabat Pihak Tanggungjawab Utama (PTJU) yang diketuai oleh Ahli-Ahli Pengurusan Eksekutif sebagai Pengarah Program (Programme Director)** dan Pelaksanaan Pelan Tindakan Kecil (Sub-SAP) oleh PTJP dari unit/fakulti/pusat pengajian dan seluruh warga termasuk pelajar turut dilibat sama.

Peringkat ketiga pula adalah **proses pemantauan secara berkala menerusi platform khas iaitu Jawatankuasa Strategik Negeri (JKSN) yang dilaksanakan 4 kali setahun dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP serta mesyuarat-mesyuarat lain seperti Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang dihoskan oleh Unit Pengurusan Kualiti Cawangan Perak (UPKCP) sekerap 2 kali setahun dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), 3 kali setahun yang dihoskan oleh Pejabat Pentadbiran**. Peringkat terakhir adalah **tindakan penambahbaikan yang diambil susulan daripada hasil dari proses pemantauan**. Proses ini melibatkan **tindakan penambahbaikan terhadap SAP (jika perlu) dan mekanisme pelaksanaan berserta tindakan intervensi dan pencegahan** bagi menguruskan risiko serta mengoptimumkan potensi universiti ke arah merealisasikan sasaran petunjuk prestasi serta keberhasilan lain yang diaspirasikan.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB02\\_20221\\_7.1.2 TAHAP - Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

[H1\\_K0017\\_HB04\\_20223\\_7.1.4 PERBANDINGAN - Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB04\\_20223\\_7.1.4 PERBANDINGAN - Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB05\\_20224\\_7.1.5 KEPENTINGAN - Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **Hasil Tumpuan Pelanggan Menyerlah Ketampakan Dan Kecemerlangan UiTM Cawangan Perak di Persada Global**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bab hasil tumpuan kepada pelanggan ini ditumpukan kepada 3 fokus utama iaitu **Fokus 1: Kepakaran dalam Pengurusan Fasiliti dan Teknologi Serta Amalan Hijau, Fokus 2: Pemindahan Ilmu dalam Pemeraksanaan Teknologi Hijau dan Fokus 3: Keterlibatan dan Kepuasan Pelanggan dalam Pengurusan Fasiliti dan Teknologi** Setiap bidang tumpuan (fokus kelestarian utama) mempunyai pelan tindakan tahunan dan objektif yang sejajar dengan pelan strategik UiTMCP, UiTM GRU 2025 dan UGC.

Penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan UiTMCP dilaksanakan berasaskan kepada **pendekatan PDCA (Plan: Peringkat Perancangan, Do: Peringkat Pelaksanaan, Check: Peringkat Pemantauan dan Act: Peringkat Tindakan Penambahbaikan)**. Keempat-empat peringkat tersebut dilaksanakan secara tersusun dan bersimbiotik antara satu dengan yang lain serta bersistematik bagi menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Kelestarian pengurusan dalam memberi khidmat yang terbaik kepada pelanggan UiTMCP dapat dinilai melalui usaha UiTMCP menggerakkan beberapa prakarsa sejak bermulanya RMK-11 (2016-2020; Inisiatif Kampus Hijau di bawah Perkara 7.6.2). Konsep reka bentuk dan teknologi bangunan hijau, amalan kesihatan dan rekreasi hijau, amalan EKSA, pertanian fertigasi, amalan kitar semula berasaskan 3R, serta perkongsian pintar yang berkaitan dengan aplikasi teknologi hijau serta kelestarian alam sekitar, adalah antara aktiviti berterusan yang dilaksanakan selari dengan Objektif Kualiti UiTMCP. Usaha proaktif Jawatankuasa Kampus Hijau UiTMCP telah mendapat sokongan padu daripada BPF, infostruktur, 15 Rakan Kampus Hijau, pelajar di bawah Kelab Kampus Lestari, serta warga UiTMCP bersama membudayakan amalan hijau yang seterusnya menyumbang kepada kejayaan ketiga-tiga fokus tersebut.

Dalam aspek kesarjanaan melalui penyelidikan, bilangan kajian dan projek berimpak diraih oleh warga UiTMCP melalui penubuhan RIG *Green Safe Cities (GreSafe)* yang mendapat pengiktirafan 5 bintang RIG (2019-2021). Fokus penyelidikan dan aktiviti GreSafe yang berkaitan pencegahan jenayah melalui reka bentuk alam sekitar, *smart city*, persekitaran hijau, bandar berdaya tahan dengan pengurusan hijau dilaksanakan dengan mengusahakan perundingan, persidangan, seminar, bengkel dalam konteks pembangunan alam sekitar yang melibatkan jenayah alam sekitar, komuniti keselamatan, pembinaan hijau, pembangunan hartanah, perolehan kontrak, bahan hijau, teknologi & pembinaan, pembangunan aplikasi mudah alih dan multimedia. Pemantauan melalui indikator bilangan dan impak untuk keseluruhan aktiviti sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa agar proses intervensi dapat dilakukan melalui mesyuarat kajian semula. Pengurusan di UiTMCP amat menggalakkan akademia untuk mendapatkan penarafan badan profesional (inisiatif tajaan yuran badan profesional) dan seterusnya menjalin kerjasama bersama rakan strategik. Hasilnya dizahirkan di Fokus 1 yang membuktikan UiTMCP melahirkan kecemerlangan bakat dalam bidang pengurusan fasiliti, teknologi dan amalan hijau. Fokus 2 menitikberatkan fungsi UiTMCP sebagai gedung ilmu yang memberi manfaat kepada rakan strategik dan komuniti. Bagi akademia, eksplorasi amalan hijau telah memperkasakan beberapa kajian yang berimpak dan disebarluaskan kepada masyarakat sama ada melalui dapatan geran atau inisiatif UiTMCP sendiri. Seterusnya dalam usaha menggalakkan warga universiti untuk menjalankan tingkah laku yang mampan dan mesra alam, penglibatan pelanggan dalam amalan hijau dibawah Fokus 3 ditunjukkan melalui pencapaian pelanggan dalam keterlibatan anjuran aktiviti amalan hijau. Setiap PTJ terutamanya BPF dan Infostruktur memainkan peranan terbaik dalam mendukung aspirasi UiTMCP mencapai kompetensi global dalam pembudayaan penyelenggaraan aset

universiti serta memantapkan sistem komunikasi melalui inisiatif transformasi digital. Usaha ini melambangkan UiTMCP terkehadapan menyediakan ekosistem kondusif demi kemajuan akademik dan ini turut dapat dinilai hasilnya melalui Fokus 3.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB02\\_20221\\_7.2.2 TAHAP - Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB03\\_20222\\_7.2.3 TREN - Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB04\\_20223\\_7.2.4 PERBANDINGAN - Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB05\\_20224\\_7.2.5 KEPENTINGAN - Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **Hasil Operasi Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan UiTM Cawangan Perak Yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pencapaian sasaran bagi hasil operasi UiTMCP tumpuan kepada fasiliti dan teknologi diukur berdasarkan 3 fokus utama iaitu **(1) Memerkasakan kepimpinan dan keserakanan dalam memacu Kampus Lestari, (2) Memanusiakan pembangunan fasiliti dan teknologi hijau, dan (3) Memacu teknologi digital** Pelbagai prakarsa dilaksanakan bagi memperkasakan UiTMCP sebagai kampus hijau. Antara inisiatif utama kampus hijau adalah memfokuskan pembangunan fasiliti dan ICT. Tenaga merupakan sumber utama yang digunakan di kampus dan bagi memastikan kelestarian sumber tenaga, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) UiTMCP telah melaksanakan pelbagai inisiatif **Penjimatan Tenaga** antaranya penggunaan peralatan cekap tenaga, projek solar dan aplikasi sistem ringkas *solar charging hub* telah disediakan menggunakan konsep *renewable energy*. Pemasangan Bengkel Gunasama FSPU dan FSSR berkonsepkan **bangunan hijau** menggunakan sensor gerakan manusia untuk pencahayaan dalam bangunan. Selain tenaga, air juga merupakan sumber yang semakin terhad dan perlu diuruskan dengan mampan. Bagi memastikan kampus UiTMCP mempunyai sumber air yang lestari, **Inisiatif Penjimatan Air dan Kitar Semula Air** telah dilaksanakan seperti penggunaan air kitar semula yang telah dirawat untuk pengairan dan pertanian. Program inisiatif kampus hijau dijalankan bagi memujuk warga kampus supaya sentiasa membudayakan amalan hijau yang lebih sihat, bersih dan selamat dari sebarang pencemaran alam. Amalan hijau diteruskan dengan menyebarkan ilmu dan kepakaran para pensyarah kepada komuniti luar melalui program khidmat masyarakat dengan menyumbang pelbagai kemudahan kepada mereka untuk dinikmati. Inisiatif kampus hijau **'Kecil tapi Signifikan'** UiTMCP telah mendapat pengiktirafan dengan menerima anugerah sebagai **Pemenang Keseluruhan** sempena festival kelestarian kampus hijau 2021 anjuran Pusat Hijau UiTM (UGC).

Pengurusan UiTMCP sangat cakna berkenaan perkembangan teknologi digital dalam proses penyampaian perkhidmatan serta pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dilihat dengan pembangunan sistem maya yang dikenali sebagai Perak **Virtual Valley (office dan training)**. Hasil inovasi ini menggabungkan 2 elemen pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia secara maya iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Ia telah diilhamkan ketika negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 bagi menggerakkan jabatan supaya terus berfungsi dengan efisien dalam norma baharu dan melestarikan peranan jabatan yang terlibat. Inovasi ini diperluaskan penggunaannya hingga kini dan impaknya, UiTMCP telah menerima pengiktirafan oleh **Time Higher Education** dan telah dinobatkan sebagai **Work Place of the Year 2021**.

Manakala, usaha memperkasakan teknologi digital dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran UiTMCP telah mengilhamkan kepada pembentukan satu hub PdP digital yang dikenali **Hub Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (HiTEL)**. Penubuhan HiTEL ini merupakan serampang dua mata yang mana ia bukan sahaja dapat menjana pendapatan melalui penganjuran INDES, malahan juga dapat memantapkan kepakaran para akademik dalam penggunaan teknologi PdP melalui latihan dan bimbingan yang dianjurkan.

Bagi memperkasakan inovasi dalam teknologi digital dalam penyampaian perkhidmatan, beberapa aplikasi telah dihasilkan oleh warga UiTMCP. Antaranya, e-SURAT dibangunkan untuk memudahkan proses pelantikan, e-Monit dibangunkan bagi memudahkan pemantauan jadual penyelenggaraan fasiliti, CARE dibangunkan untuk memantau penyelenggaraan makmal komputer, dan AUXI4U mewujudkan sistem pengurusan aduan dalam talian yang pantas dan mudah. Impaknya, inovasi ini berjaya mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang

dan berkesan kepada pelanggan UTMCP.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB02\\_20221\\_7.3.2 TAHAP - Hasil Operasi.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB03\\_20222\\_7.3.3 TREN - Hasil Operasi\\_1.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB04\\_20223\\_7.3.4 PERBANDINGAN -Hasil Operasi.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB05\\_20224\\_7.3.5 KEPENTINGAN - Hasil Operasi\\_1.pdf](#)